



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 16307]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 16351]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.45 [Ruangan 16352]

Maksud B.46 [Ruangan 16401]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992;

Jawatankuasa—

Maksud P.45 [Ruangan 16352]

Maksud P.46 [Ruangan 16401]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.,
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Ban
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VEL
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Sipu

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanov

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFID
AZIZ S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DA
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.
D.G.S.H., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DA
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (K
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Lang

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI AB
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pula

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO* ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR N GERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAIHAH ZALEHA BIN ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CIWAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Batu Pulu).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAK KWAN, A.M. (P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETI CHIN FAH KUI P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAN, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C(Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDULRAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.I.K., A.M.S. (Segamat)-

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NK ABDULLAH BHN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.I.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S..S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO KUI KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

„ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

„ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DAIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Teiok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

„ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

„ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L, K.St.J. (Limbawang).

„ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

„ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P.,P.C.M., K.M.N., B. P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI **ABD.** KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh),
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozila binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 13hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA—PEGAWAI
BERIJAZAH**

1. Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa peratuskah jumlah pegawai Angkatan Tentera Malaysia yang berkelulusan peringkat ijazah dan adakah Kementerian bercadang untuk menetapkan kelulusan ijazah sebagai syarat untuk ditauliahkan sebagai pegawai atau untuk kenaikan pangkat.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai kekuatan seramai 8,133 orang pegawai; daripada jumlah tersebut 590 orang pegawai atau 7.3% memiliki kelulusan diploma dan 836 orang pegawai atau 10.3% memiliki kelulusan ijazah atau 17.6% dari jumlah keseluruhan kekuatan pegawai ATM mempunyai kelulusan ijazah dan diploma.

Berkenaan dengan kenaikan pangkat pula, pada masa ini ATM belum lagi menimbangkan untuk menetapkan kelulusan ijazah atau diploma sebagai syarat dan kriteria untuk seseorang pegawai diberi keutamaan untuk kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, mengikut penggunaan sistem markah bagi menentukan meri seseorang untuk dipertimbangkan naik pangkat, seseorang pegawai yang berkelulusan ijazah atau diploma akan mendapat markah yang lebih tinggi bagi penilaian kelayakan akademik daripada calon-calon yang lain. Tetapi tidak semestinya ia dinaikkan pangkat oleh kerana ada banyak aspek lain yang dinilai oleh Lemhaga untuk menentukan seseorang pegawai layak dinaikkan pangkat.

Di samping itu, Kementerian Pertahanan juga telah meluluskan dasar baru berkaitan dengan skim pengambilan pegawai-pegawai graduan yang mempunyai ijazah ataupun diploma bagi ditauliahkan terus untuk perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai pegawai dan skim ini mula dikuatkuasakan pada 4hb. Jun 1991.

Dalam skim ini graduan yang mempunyai ijazah ataupun diploma ditauliahkan terus sebagai Leftenan dan menjalani latihan penyesuaian ketenteraan. Skim ini adalah langkah permulaan ke arah peningkatan taraf akademik pegawai-pegawai ATM bagi memenuhi keperluan semasa dan persediaan bagi cabaran masa akan datang.

Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, di antara 8,133 pegawai yang berkhidmat sebagaimana penjelasan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bolehkah beliau menjelaskan berapa ramai pegawai-pegawai bumiputera dan bukan bumiputera yang sedang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan

Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai perangkaan mengikut

kaum pada masa ini, tetapi jika sekiranya Yang Berhormat berminat, bolehlah memberi notis untuk saya menyampaikan perangkaan mengikut kaum.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah anggapan setengah pihak yang menyatakan bahawa pegawai-pegawai tentera negara kita ini kurang lasak jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai tentera negara lain di ASEAN?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah merupakan satu pendapat peribadi mana-mana pihak tetapi ianya tidak semestinya betul. Malahan ATM kita telah mengamalkan sekian lama suatu tahap ataupun standard latihan kepada pegawai-pegawai kita. Oleh itu, pegawai-pegawai ATM sekarang ini mempunyai disiplin dan tahap pencapaian yang tinggi, sesuai dengan kehendak Kerajaan di dalam standard kita di ATM.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan di barisan ketiga, bukan 'utama Semenanjung' tetapi 'utara Semenanjung'. Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SEBERANG PERAI—PEMBINAAN

2. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah rancangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di Seberang Perai yang dianjurkan oleh 4 negeri-negeri utara Semenanjung telah diluluskan. Apakah dan berapa banyakkah perlimpahan ekonomi (economic spin-off) yang dijangka diperolehi oleh wilayah di sekelilingnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail); Tuan Yang di-Pertua, pembedaan iaitu bukan 'meminta Perdana Menteri' tetapi 'Kementerian Pengangkutan'.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir mengenai rancangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Seberang Perai sedang dikaji oleh negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Butir-butir ini meliputi aspek-aspek seperti kesesuaian tapak, anggaran kos dan 'economic spin-off, dengan izin, kepada kawasan persekitaran,

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam rancangan ataupun rangka yang dibuat oleh Kerajaan, adakah terdapat di dalam soalan yang berkaitan ini tentangan daripada pihak PAS dan juga DAP terutama sekali Yang Berhormat dari Jelutong kerana semalam seakan-akan dia hendak makan Menteri Kehakiman?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada apa-apa bantahan daripada mana-mana pihak secara rasmi.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan

bercadang membuka pintu masuk ke Malaysia dari Thailand lebih banyak lagi memandangkan bahawa lapangan terbang itu nanti akan memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di selatan Siam khususnya seperti di Kroh, Perak Darul Ridzuan ataupun di Durian Burung, Padang Terap, Kedah Darulaman?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu masih jauh lagi kerana setakat ini keempat-empat negeri ini pun belum lagi mengemukakan apa-apa permohonan rasmi untuk membina lapangan terbang baru ini.

**PROGRAM PEMBANGUNAN
RAKYAT
TERMISKIN—BANTUAN
KEPADA ORANG ASLI**

3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah pencapaian Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) setakat ini; dan
- (b) adakah Kumpulan Orang Asli termasuk di dalam PPRT.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh 1989-1990, sebanyak \$345.8 juta telah dibelanjakan dari sumber Kerajaan Pusat dan Negeri untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Seramai 52,128 keluarga telah mendapat manfaat dari Program Pembangunan Rakyat Termiskin ini.
- (b) Masyarakat Orang Asli adalah juga diliputi di bawah program ini. Walau bagaimanapun,

projek ataupun bantuan untuk masyarakat Orang Asli adalah berbeza kerana projek atau bantuan perlulah disesuaikan dengan ciri-ciri sosial budaya masyarakat Orang Asli.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah bentuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin samada program ini dapat benar-benar menghakiskan kemiskinan kepada mereka yang mendapat bantuan di bawah program ini secara kekal atau merupakan hanya untuk projek perumahan yang hanya akan menyediakan sedikit sebanyak kemudahan tetapi rakyat akan tertinggal sebagai golongan yang termiskin?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana ucapan politik daripada Ahli yang berkenaan. Soalannya ialah apakah bentuk bantuan yang diberi di sini mudah sahaja dijawab. Kalau ditanya apakah bentuk tanpa apa-apa syarahan dan sebagainya, bentuk yang diberi ialah dalam bentuk rumah murah. Yang termurah sekali, bukannya rumah yang berharga \$25,000 tetapi rumah murah yang sesuai dengan keperluan orang-orang yang termiskin yang sampai tidak ada rumah untuk tinggal. Kita juga telah memberi peluang-peluang kepada mereka dan bantuan kepada mereka untuk membuka perniagaan-pemiagaan yang kecil, juga untuk bercucuk-tanam di mana keadaan mengizinkan.

Banyak lagi cara-cara bantuan yang telah diberi dan hasilnya ialah ramai daripada mereka ini sekarang ini hidup lebih selesa dan tidak mudah dihasut oleh parti Pembangkang.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan

Baru-baru ini ada seorang pemimpin PAS yang membuat kenyataan bahawa kemiskinan itu adalah takdir dari Allah subhanahu wataala. Jadi, usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membasmi kemiskinan adalah satu kerja yang sia-sia. Apabila saya membaca kenyataan itu, saya pun tanya kawan-kawan adakah lunas-lunas dari segi Islam dan kawan-kawan beri dua hadis dan dua ayat At-Quran. Saya hendak baca satu sahaja. (*Ketawa*) Yang pertama, ayat Al-Quran daripada surah Hud, ayat 116—tolong semak, yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang zalim itu hanya mementingkan kemewahan yang ada kepada mereka sahaja."

Yang kedua ialah hadis yang bermaksud:

"Bukanlah dikira seseorang itu beriman sekiranya ia dalam kekenyangan sedangkan jiran tetangga berada dalam kelaparan."

Jadi, soalan saya, apakah falsafah dan teori ekonomi yang digunakan oleh Kerajaan untuk menggubalkan dasar membasmi kemiskinan ini, dan adakah dasar ini selaras dengan Al-Quran dan hadis?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya yang berlaku kepada kita sudah ditakdirkan tetapi ini tidak bermakna bahawa kita tidak harus membuat apa-apa pun, hanya menunggu sahaja sesuatu itu berlaku. Dan apabila ia berlaku, maka kita kata takdir. Ini termasuklah juga apabila kita masukkan di dalam satu asrama 600 orang di mana tempat itu hanya sesuai untuk 60 orang dan kita ada dapur untuk memasak di dalam asrama itu. Apabila kebakaran berlaku dan kematian begitu ramai daripada anak-anak kita, maka jawabnya ialah takdir.

Sebaliknya, kalau kita ambil perhatian bahawa keadaan yang semacam itu adalah merbahaya dan

kalau terjadi kebakaran, mungkin ramai orang akan mati. Oleh kerana itu, kita tidak masukkan begitu ramai murid-murid ataupun penuntut-penuntut ke dalam asrama itu. Maka kalau pun berlaku atau ditakdirkan berlaku kebakaran, maka ramai yang dapat menyelamatkan diri bahkan mungkin semua dapat menyelamatkan diri. Apabila diselamatkan diri mereka ini, ini juga takdir.

Jadi, tidak membuat sesuatu apa pun untuk menyalahkan Tuhan. Ini adalah sesuatu yang tidak secocok dengan ajaran Islam kerana dalam Islam, kita disuruh berikhtiar dan saya tidak hendaklah sebut daripada Quran. Tetapi ada pepatah yang berkata bahawa kita harus tambat unta kita dahulu, selepas itu serah kepada Tuhan. Tetapi ini tidak dibuat. Jadi, Kerajaan tidak percaya kepada orang yang tidak tambat unta. Bagi kita, kita tambat unta dahulu, iaitu kita berusaha supaya yang miskin itu dibantu, diberi pelajaran, diberi latihan supaya mereka dapat mencari sara hidup yang lebih mencukupi. Dengan itu, barulah kita boleh kata kalau selepas memberi bantuan ini, mereka masih lagi merana miskin, tidak mahu bekerja, maka pada ketika itu bolehlah kita kalakan ini sudah pun ditakdirkan. Walaupun kita sudah berusaha bersungguh-sungguh tetapi kerana ini sudah ditakdirkan oleh Tuhan, maka ia berlaku. Jadi, kita tidak pegang kepada alasan pertama, iaitu segala keburukan yang berlaku kepada sesiapa adalah sudah pun ditakdirkan.

PEKERJA ASING DI KAWASAN PEMBALAKAN SARAWAK

4. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian sedar bahawa rakyat Sarawak bosan serta jemu akan peningkatan jumlah pendatang haram di

Sarawak, khasnya dalam bidang industri berasaskan kayu di sepanjang Sungai Rejang dan di khemah pembalakan;

- (b) sama ada Kementerian sedar bahawa pendatang-pendatang haram ini telah merampas hak asas dan peluang rakyat Sarawak di dalam bidang berkenaan serta mengakibatkan ketidakstabilan pembangunan sosial di Sarawak; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menghentikan pendatang-pendatang haram ini terus memasuki Sarawak demi menghalang syarikat industri berasaskan kayu mengupah mereka.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak mempunyai maklumat, kononnya rakyat Sarawak merasa bosan dengan pekerja-pekerja asing di kawasan-kawasan pembalakan seperti didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lanang. Sebaliknya, Kementerian Dalam Negeri memperhatikan bahawa pengambilan pekerja-pekerja asing oleh pengusaha-pengusaha pembalakan adalah kerana kesukaran mendapatkan pekerja-pekerja tempatan.
- (b) Kerajaan bertanggungjawab menggerakkan berbagai aktiviti ekonomi supaya dapat mewujudkan seberapa banyak peluang pekerjaan kepada rakyatnya. Tetapi apabila rakyat sendiri memilih kerja, maka ini akan memberi kesempatan kepada majikan-majikan dan pengusaha-pengusaha mengam-

bil pekerja asing. Sungguhpun demikian, pengambilan pekerja asing hanya dibenarkan bila terbukti tiada pekerja tempatan.

- (c) Langkah sentiasa diambil oleh Kerajaan untuk menghentikan kemasukan Pekerja Asing Tanpa Izin dengan meningkatkan tindakan penguatkuasaan di tempat-tempat yang disyaki. Sekiranya ditangkap, mereka dan majikan yang terbabit akan dihadapkan ke mahkamah. Selain daripada itu, untuk mengawal daripada kemasukan Pendatang Tanpa Izin yang baru, Kerajaan telah meningkatkan kawalan dan rondaan di kawasan yang disyaki sebagai tempat-tempat kemasukan mereka ke negara ini.

Puan Rohani binti Abd. Karim:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah pekerja asing tanpa dokumen yang baru-baru ini diumumkan akan juga dipanjangkan kepada Sarawak bukan sahaja dalam industri perkayuan tetapi juga kepada pekerja ataupun pembantu rumah?

Jika tidak, apakah langkah lain yang harus diambil untuk mengatasi masalah ini yang berlaku di Sarawak?

Perdana Menteri: Keputusan dan cara-cara yang ditentukan oleh Kerajaan digunakan untuk seluruh negara termasuklah di Sarawak.

BAYARAN PERKHIDMATAN BANK

5. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memandangkan pelanggan-pelanggan Bank-bank akan dikenakan bayaran atau caj perkhidmatan pada masa yang

akan datang, adakah Kerajaan bercadang supaya faedah diberikan kepada akaun semasa yang mempunyai baki kredit dalam simpanan;

- (b) jika ya, apakah kadar yang dicadangkan dan cara pelaksanaannya; dan
- (c) jika tidak, mengapa sebab bayaran atau caj perkhidmatan adalah merupakan suatu bebanan kepada pelanggan-pelanggan.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Kerajaan sedang menimbangankan cadangan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia untuk mengenakan bayaran ke atas beberapa perkhidmatan bank tertentu. Keputusan belum dibuat, oleh itu soal caj perkhidmatan tidak timbul. Walau bagaimanapun, kita bersedia menimbangankan sekiranya caj itu adalah untuk kemudahan-kemudahan tambahan, kemudahan-kemudahan kepada pelanggan yang baru tetapi pada prinsipnya kita ingin memberi jaminan bahawa caj perkhidmatan baru itu tidak akan membebankan pelanggan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan apakah alasan-alasan yang dikemukakan oleh Persatuan Bank-bank untuk mendapat kelulusan daripada Bank Negara untuk mengenakan bayaran perkhidmatan?

Yang kedua, apakah asas-asasnya yang mana Bank Ncgara akan memberi pertimbangan atas cadangan Persatuan Bank-bank ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, Persatuan Bank memaklumkan bahawa kos pentadbiran dan operasi yang ditanggung oleh bank

adaiah bertambah dan kedua pelaburan yang banyak dalam menyediakan perkhidmatan bank secara elektronik yang moden serta bagi mengurangkan menghapuskan subsidi bersilang atau, dengan izin, cross subsidization.

Mengenai soalan yang kedua, Kerajaan khususnya Bank Negara akan hanya menimbangankan sekiranya didapati kemudahan-kemudahan baru yang akan memberikan manfaat kepada pelanggan itu melibatkan kos tambahan tetapi pada dasarnya kita tidak akan bersetuju dengan cadangan untuk menambahkan caj perkhidmatan bagi kemudahan yang sedia ada dan bagi pelanggan-pelanggan secara umum.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah caj perkhidmatan yang diura-urakan itu akan juga dilaksanakan oleh institusi-institusi kewangan Islam? Sehubungan dengan ini bolehkah faedah yang dikenakan ke atas penggunaan kad kredit umpamanya dirujuk sebagai caj perkhidmatan berperingkat untuk mengelakkan daripada mentafsirkannya sebagai riba?

Pato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, institusi kewangan Islam juga mengenakan caj perkhidmatan dan sekiranya ada beberapa peralatan baru yang lebih canggih disediakan, saya percaya institusi kewangan Islam juga terpaksa mengenakan caj tambahan. Yang harus kita berikan jaminan ialah bahawa terhadap kemudahan yang sedia ada diberikan tidak perlulah pelanggan-pelanggan merasa bimbang kerana perkara ini tidak berbangkit.

Mengenai kedudukan faedah dalam sistem kad kredil ini sepertimana yang telah saya umumkan, kita sekarang sedang di peringkat akhir dan akan mengumumkan segera tentang beberapa tindakan bagi mengawal merebaknya penggunaan kad kredit dan masyarakat harus dimaklumkan

bahawa kad kredit ini mengenakan faedah yang agak tinggi dan kita juga sedang mengkaji kemungkinan kaedah faedah yang dikenakan itu ditukar bagi maksud memperkenalkan caj kad kredit yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam.

HUTAN SIMPAN AMPANG/ HULU GOMBAK—KESAN PEMBANGUNAN

6. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) projek-projek perumahan dan pembangunan sedang tumbuh dengan pesat di sekitar kawasan Hulu Kelang, Taman Melawati, Zoo dan Kelang Gates. Oleh kerana kawasan-kawasan berhampiran dengan kawasan takungan air dan hutan simpan, adakah Kerajaan peka dengan kesan buruk akibat dari perkembangan tersebut. Berapa hektar hutan yang tinggal tanpa diganggu di kawasan ini sehingga tahun 2020; dan
- (b) berapakah jumlah kawasan hutan yang tinggal sekarang ini dan dari jumlah itu, berapakah jumlah yang akan kekal sehingga tahun 2000 dan tahun 2020.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pihak Kerajaan sedar akan pembangunan pesat yang meliputi pembinaan projek perumahan di kawasan persekitaran Hulu Kelang, Taman Melawati, Zoo dan Kelang Gates. Perlu saya tegaskan bahawa kawasan-kawasan berkenaan adalah terletak di luar kawasan hutan simpan kekal. Namun demikian,

langkah-langkah wajar telah diambil oleh Kerajaan untuk memelihara hutan-hutan di persekitaran kawasan pembangunan tersebut dengan menjadikan hutan-hutan berkenaan sebagai hutan simpan kekal iaitu Hutan Simpan Kekal Ampang seluas 2,270 hektar dan Hutan Simpan Kekal Hulu Gombak seluas 17,788 hektar.

Mengikut takrifnya hutan simpan kekal adalah kawasan-kawasan hutan yang berkekalan. Oleh yang demikian, kawasan Hutan Simpan Ampang dan Hutan Simpan Hulu Gombak akan kekal bukan sahaja setakat tahun 2020 tetapi insya Allah, untuk selama-lamanya.

- (b) Luas kawasan hutan negara pada masa ini dianggarkan berjumlah 18.78 juta hektar iaitu 5.56 juta hektar di Semenanjung Malaysia, 4.49 juta hektar di Sabah dan 8.73 juta hektar di Sarawak.

Dari keseluruhan kawasan hutan ini, sejumlah 4.1 juta hektar di Semenanjung, 3.35 juta hektar di Sabah dan 6.01 juta hektar di Sarawak telah ditetapkan sebagai hutan simpan kekal.

Di samping itu seluas 550,173 hektar di Semenanjung Malaysia telah diisytiharkan sebagai rezab perlindungan liar atau Taman Negara dan seluas 0.25 juta hektar di Sabah iaitu tanah Sabah atau negara dan seluas 1 juta hektar di Sarawak merupakan kawasan perlindungan sepenuhnya. Kesemua kawasan-kawasan tadi dan kawasan hutan simpan kekal tersebut akan kekal sebagai kawasan hutan simpan bukan sahaja sehingga tahun 2020 malahan insya Allah, untuk selama-lamanya.

Tuan Shahidan bin Kassim :Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti termaklum, mengikut lumrah alam semulajadi bahawa minyak kalau berjumpa dengan api, ia akan terbakar. Hutan kalau berjumpa dengan kawasan lapang, kuasa survival itu semakin lemah dan akhirnya dia akan terang. Jadi, saya ingin bertanya daripada kawasan yang digazetkan sebagai kawasan hutan dengan kawasan pembangunan ini, adakah dibenarkan sampai ke pinggiran hutan?

Saya beri contoh, di kawasan Zoo yang saya percaya mula-mulanya Kerajaan Selangor ingin mengadakan padang golf. Selcpas itu atas campurtangan daripada pihak Istana ianya akan dijadikan projek kondominium. Jadi, saya percaya ianya akan dibuat hingga ke pinggiran hutan. Apabila sampai ke pinggiran hutan, hutan ini akan mati dan ia masuk lagi ke hadapan, akhirnya ia tidak akan kekal. Jadi, saya hendak tanya daripada kawasan yang digazetkan, berapa rizab sampai ke kawasan pembangunan? Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat ada menyebutkan tadi tentang Hutan Simpan Hulu Gombak dan Ampang, saya kurang pasti tempat itu dekat mana, tetapi saya percaya ini merupakan Zoo Negara ke Hulu Langat crossing, kawasan hutan simpan yang berkenaan. Adakah Kerajaan sedar bahawa kawasan itu walaupun dicadangkan untuk dijadikan kawasan hutan simpan kekal, terdapat mereka yang membuat kolam ikan secara haram—beribu-ribu, yang mana saya percaya bila kita gazetkan sebagai kawasan hutan, ia bukan jadi kawasan hutan tetapi akan jadi tasik kekallah akhirnya. Adakah Kerajaan sedar ataupun perkara ini tidak disedari oleh kerana terlampau banyak berlaku?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, setiap kawasan hutan simpan

kekal ini ada tanda sempadan, paling kurang jaraknya satu rantai di antara kawasan yang tidak hutan simpan dengan hutan simpart. Dan ini tidak mungkin akan sampai ke kawasan itu kalau penguatkuasaan berjalan dengan baik.

Masalah yang kedua, kolam ikan ini, saya sendiri pun tidak berapa pasti dan insya Allah, saya akan cuba membuat siasatan dan kalau ianya terlibat dalam kawasan hutan simpan atau hutan tadahan, tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama saya hendak tahu definisi hutan simpan kekal ini.

Saya difahamkan hutan simpan kekal ini boleh juga dibalak, pembalakan boleh dijalankan dalam kawasan ini. Kalau kawasan itu boleh dibalak, jadi bagaimanakah dia boleh jadi kekal?

Yang keduanya ialah, saya ingin tahu berapakah jumlah kawasan hutan dara yang kekal?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, takrif atau definisi hutan simpan kekal ini ialah hutan simpan yang tidak boleh digunakan tanah itu untuk kegunaan lain, misalnya hendak buat rumah tidak boleh, hendak buat apapun tidak boleh. Tetapi untuk kegunaan hutan boleh. Dan hutan simpan ini terbahagi kepada dua; yang produktif maknanya boleh ditebang dan ditanam semula. Tetapi bukan ditebang untuk dibuat projek lain—tidak.

Dan satu lagi yang tidak produktif ini, memang dikekalkan, tidak boleh ditebang, tidak boleh segalanya sebagaimana yang saya katakan hutan tadahan.

Tentang hutan dara di seluruh negara ini, saya rasa saya memerlukan notis, kerana ia terlalu spesifik.

**PENDATANG TANPA IZIN
MENDAPAT RAWATAN
DI HOSPITAL-HOSPITAL SABAH**

7. Tuan Joseph Voon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pendatang tanpa izin yang dirawat di Hospital Ratu Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Duchess of Kent Sandakan dan Hospital Besar Tawau sepanjang tahun 1990; dan
- (b) berapa nisbah bagi pesakit luar di antara pesakit pendatang tanpa izin dan orang tempatan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pendatang tanpa izin yang dirawat di Hospital Ratu Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Duchess of Kent Sandakan dan Hospital Besar Tawau sepanjang tahun 1990 adalah seperti berikut:

Hospital Besar Queen Elizabeth	43,491 orang
Hospital Duchess of Kent	64,030 orang
Hospital Besar Tawau	74,728 orang

- (b) Nisbah bagi pesakit luar di antara pesakit pendatang tanpa izin dengan orang tempatan ialah:

Di Hospital Besar Queen Elizabeth	11.25%
Di Hospital Duchess of Kent	41.00%
Di Hospital Besar Tawau	47.29%

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa bayaran yang sama dikenakan kepada semua pesakit luar termasuk warganegara asing termasuk juga pendatang haram.

Kita juga scdar bahawa bayaran yang dikenakan khususnya untuk pesakit luar adalah tidak setimpal dengan kos perkhidmatan yang diberi khususnya. Dan walaupun tidak nyata, sudah tentulah kos perkhidmatan yang rendah bermakna ada elemen subsidi yang diberikan oleh Kerajaan dalam perkhidmatan yang sedemikian.

Soalan saya adakah wajar perkhidmatan yang disubsidi ini dinikmati oleh bukan warganegara termasuk pendatang haram.

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk menukar dan membezakan kos bayaran yang dikenakan mengikut pesakit yang datanginya daripada mana.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Yang di-Pertua, memang betul ada elemen subsidi di dalam kos pembayaran perkhidmatan pesakit luar dan juga perkhidmatan dalam wad. Kementerian Kesihatan sedang menimbang untuk mengasingkan di antara pesakit tempatan dan pesakit luar ataupun pendatang tanpa izin dan sedang menimbang untuk mengenakan bayaran yang agak berbeza.

Tuan George Sangkin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kedatangan pendatang haram ini dan penggunaan kepada kemudahan-kemudahan hospital tersebut akan menjejaskan peluang-peluang oleh orang-orang tempatan dalam menggunakan kemudahan-kemudahan hospital-hospital tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bilangan pendatang tanpa izin yang menggunakan perkhidmatan kita agak besar juga, maka ada sedikit tekanan ataupun beban ke atas perkhidmatan yang telah dan akan diberi.

Walau bagaimanapun, di Jabatan Pesakit Luar, pesakit-pesakit yang datang dikehendaki beratur untuk pendaftaran di kaunter-kaunter di mana kaunter untuk warganegara asing adalah berasingan daripada kaunter-kaunter warganegara tempatan dan mereka yang tidak mempunyai Kad Pengenalan dikira sebagai warganegara asing dan akan didaftarkan di kaunter yang telah dikhaskan.

BEKALAN AIR SARAWAK

8. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tentang cadangan peruntukan bagi air paip di kawasan luar bandar Sibu seperti dari Selalo ke Tg. Pang, dari Sg. Bidut ke Bawan Assam (Punca air paip Bawan Assam selalu dipengaruhi oleh air laut pada musim kemarau) dan dari Penasu ke Rantau Panjang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memberi peruntukan bagi program bekalan air Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi pembekalan air paip di beberapa kawasan-kawasan luar bandar Sibu termasuk kawasan berikut:

<i>Kawasan</i>	<i>Peruntukan</i>
1. Dari Selalo ke Tg. Pang	\$1.0 juta
2. Dari Sg. Bidut ke Bawan Assam:	
(a) Dari Bukit Lan ke Kwong Hua	\$1.8 juta
(c) Sibu West Rural Water Supply System (termasuk kawasan Sg. Bidut, Engkilo dan Sg. Maaw)	\$8.0 juta

Mengenai masalah punca air Bawan Assam yang diresapi oleh air laut pada musim kemarau, untuk mengatasi masalah tersebut urusan mengepam air

dari sungai diberhentikan ketika berlaku air pasang yang besar. Lanya disambung semula selepas air pasang surut. Kaedah ini digunakan sekarang pada musim kemarau kerana kadar penggunaan air oleh penduduk di kawasan ini tidak tinggi. Sebagai langkah jangka panjang sebuah empangan telah dibina dan siap pada tahun 1989 di tempat pengambilan air untuk mencegah kemasukan air masin pada musim kemarau. Dengan adanya empangan ini paras air sungai dapat dinaikkan lebih tinggi dari paras air pasang supaya air masin tidak masuk ke dalam sungai berkenaan.

Walau bagaimanapun, keadaan ini masih terus diawasi dan Kerajaan akan mengambil tindakan lanjut jika keadaan memerlukan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh tentang peruntukan untuk bekalan air paip, saya ingin tahu sama ada peruntukan yang disebutkan tadi kepada Negeri Sarawak mengikut projek-projek tertentu, adakah peruntukan itu sebagai satu peruntukan pemberian langsung ataupun pinjaman.

Yang kedua, saya ingin tahu apakah baru-baru ini Kerajaan Pusat telah mempertikaikan peruntukan yang telah diberi kepada Kelantan terutamanya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, yang dianggapkan sebagai hutang kepada negeri tersebut.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberikan kepada projek-projek yang dinyatakan ialah secara grant kepada projek yang berkenaan.

Berkenaan soalan yang kedua, tidak ada kena mengena dengan soalan asal.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini telah jelas dalam soalan mengatakan air yang masuk ke dalam

paip itu dipengaruhi oleh air masin ataupun air yang tidak boleh diminum. Jadi, nampaknya bukan di tempat ini sahaja berlaku bahkan di kawasan saya ada juga berlaku air masin masuk air paip di waktu-waktu yang tertentu.

Soalan saya, kenapakah perkara ini berlaku adakah oleh kerana kurang penyelidikan sebelum projek ini dijalankan.

Dato Mobamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawasan Yang Berhormat itu kita memerlukan notis. Saya tak tahu masalah air masin di kawasan Yang Berhormat, sama ada air pasang ataupun ia masuk sendiri, kita kena pastikan.

PNB DAN PERNAS— PERTINDIHAN OBJEKTIF

9. Tuan Saidin bin Adam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada wujudnya pertindihan objektif antara Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Jika berlaku pertindihan objektif, adakah Kerajaan bercadang untuk menyusun semula objektif PNB dan PERNAS.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, tidak berlaku sebarang pertindihan objektif di antara PNB dan PERNAS. Objektif utama PNB ialah untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi di kalangan masyarakat Malaysia dengan mempertingkatkan pemilikan saham bumiputera dalam sektor korporat melalui skim ASN dan ASB. PERNAS pula ditubuhkan bertujuan untuk menggalak dan meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat tadi menarik iaitu PERNAS ditubuhkan untuk membantu dan menggalakkan bumiputera. Saya tahu perangkaan mungkin tak ada, tetapi apakah Yang Berhormat sedar bahawa aktiviti-aktiviti PERNAS di akhir ini lebih tidak membantu dan tidak menggalak kerana mereka bertanding secara terbuka dengan menggunakan mereka mendapat sumber daripada Kerajaan, manakala bank pun tak beri pinjaman.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang benar PERNAS dengan subsidiari atau anak-anak syarikatnya melibatkan diri dalam berbagai bidang penerangan. Tetapi bidang-bidang itu adalah memerlukan organisasi kepakaran pengurusan, sokongan kewangan yang lebih besar, yang mungkin belum dapat, dalam pandangan PERNAS di-masuki oleh kaum Bumiputera. Walau bagaimanapun, PERNAS ada dua anak syarikat, iaitu PERNAS Edar dan PERNAS Trading. PERNAS Edar telah dapat setakat ini membantu seramai 5,980 peniaga runcit bumiputera di seluruh negara. Begitu juga PERNAS Trading telah dapat membantu seramai 380 usahawan bumiputera dengan membekal kepada mereka barang-barang seperti kertas, alatulis, baja dan sebagainya untuk membantu mereka menjalankan perniagaan. Dari segi itu memang PERNAS dengan sedaya upayanya cuba membantu bumiputera.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan sahaja PERNAS bernaung di bawah PNB. Jika tidak, mengapa?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah anak syarikat PERNAS memang juga

telah diambitalih oleh PNB dalam daya usaha Kerajaan menswastakan projek itu.

**LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA
DI MALAYSIA—JUMLAH
PENUMPANG**

10. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan penumpang yang menggunakan kemudahan penerbangan dan bilangan pesawat yang menggunakan lapangan-lapangan terbang antarabangsa di bawah kelolaan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk tahun 1980 hingga 1990;
- (b) perlanjuran bilangan penumpang yang akan menggunakan kemudahan penerbangan dan bilangan pesawat yang akan menggunakan lapangan-lapangan terbang antarabangsa di bawah kelolaan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) untuk tahun-tahun 1990 hingga 2010; dan
- (c) perlanjuran bilangan kenderaan yang dijangka akan menggunakan Lebuhraya Utara Selatan menjelang akhir tempoh konsesi yang diberikan kepada PLUS Berhad.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penumpang dan pergerakan pesawat di lapangan-lapangan terbang antarabangsa di Malaysia sejak 1980 sehingga 1990 ialah masing-masing sebanyak 86,216,713 penumpang dan 1,457,435 pergerakan pesawat.

(b) Unjuran jumlah penumpang dan pesawat yang akan menggunakan lapangan-lapangan terbang antarabangsa di Malaysia untuk tahun-tahun 1990 sehingga 2010 ialah masing-masing sebanyak 230,160,707 penumpang dan 2,712,832 pergerakan pesawat.

(c) Pada akhir tempoh konsesi iaitu pada tahun 2018, jumlah kenderaan yang dijangka akan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan (lebih kurang sepanjang 900 km) adalah pada kadar 2.3 juta kenderaan sehari. Pada masa ini Lebuhraya yang telah siap sepanjang 400 km melibatkan jalan-jalan seperti Tanjong Malim-Slim River, Sungai Besi-Pagoh, Bukit Raja-Damansara, iaitu jumlah kenderaan yang menggunakan Lebuhraya ini adalah kira-kira 0.2 juta kenderaan sehari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan kepada bahagian (a), baris kedua "Malaysia" digantikan dengan "Malaysian".

Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 11.

**PINJAMAN DEPOSIT DALAM
URUSAN BANK**

11. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah kedudukan nisbah pinjaman-deposit dan nisbah savings investment dalam "Malaysian Banking System" dari tahun 1989 hingga Jun 1991;

- (b) mengapakah jurang "loans-deposits" dan "savings-irvestment" semakin meningkat; dan
- (c) apakah usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang ini.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Nisbah pinjaman deposit dalam sistem urusan bank semakin bertambah daripada 88.8% pada tahun 1989 kepada 94.4% pada tahun 1990 dan meningkat kepada 97.8% pada akhir bulan Ogos 1991. Manakala nisbah tabungan pelaburan semakin rendah daripada 08% pada tahun 1989 kepada 88% pada tahun 1990 dan dianggarkan sebanyak 74.2% dalam tahun 1991.
- (b) Jurang pinjaman deposit sistem urusan bank yang semakin meningkat sejak tahun 1989 disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih pesat berbanding dengan deposit. Pinjaman telah meningkat pada kadar 19.4% dan 23.2% setahun dalam tahun 1989 dan 1990, manakala deposit meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 14.6% dan 15.9% dalam tempoh yang sama. Ini berpunca daripada permintaan kredit sektor swasta yang kukuh, ekoran daripada beberapa faktor berikut:
 - (i) prestasi ekonomi Malaysia yang melambung sejak tahun 1987;
 - (ii) usaha Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi negara;

- (iii) keadaan kadar faedah dalam negeri yang lebih rendah berbanding dengan luar negeri; dan
- (iv) pelaburan sektor swasta yang kekal melambung, meningkat hampir melebihi 30% dalam tahun 1989-1990.

Sementara itu, jurang tabungan pelaburan yang wujud dalam tahun 1989-1990 adalah disebabkan terutamanya oleh keperluan pelaburan yang terus meningkat dan peningkatan penggunaan yang mendadak ekoran daripada pemulihan kemelesetan ekonomi 1985-1986.

- (c) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah kewangan untuk memperbaiki keadaan tersebut. Sejak 1 Februari 1991, Kerajaan telah membenarkan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan menentukan kadar faedah pinjaman asasnya sendiri.

Pada pertengahan bulan Ogos 1991, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan satu pakej langkah kewangan yang baru untuk memperlambatkan pertumbuhan kewangan dan mengurangkan perbelanjaan penggunaan. Pakej ini termasuk menaikkan keperluan rizab berkanun sistem urusan bank sebanyak satu mata peratusan kepada 7.5% dan menghadkan jumlah pembiayaan bagi pembelian kenderaan bermotor kepada tidak melebihi 75% daripada kos kenderaan tersebut dengan jangkamasa bayaran balik tidak melebihi 4 tahun.

Dalam Belanjawan 1992, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk meng-

galakkan tabungan swasta. Bank Negara Malaysia telah diarahkan supaya membenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan membuka lebih banyak cawangan. Selain daripada itu, sebagai satu langkah untuk menggalak simpanan, tahap pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diperolehi dari akaun simpanan di bank perdagangan atau syarikat kewangan ditingkatkan dari deposit berjumlah \$5,000 kepada \$50,000.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan sebentar tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa antara faktor yang menyebabkan berlaku "miss-match", dengan izin, antara loans dan deposits dan juga savings-investments, ialah adanya kadar faedah simpanan yang lebih tinggi di dalam bank-bank di luar negeri yang menyebabkan, saya agak, orang ramai pergi simpan di luar negeri, kalau ada wang lebih, dan orang luar negeri datang meminjam di negara kita kerana kadar faedah pinjaman yang rendah.

Saya ingin tahu sama ini salah satu daripada faktor yang menyebabkan bank-bank sekarang mengetatkan setengah-setengah pinjaman terutama kepada rumah-rumah jenis murah. Keduanya, sama ada ini akan menjejaskan kedudukan liquidity bank pada jangka masa panjangnya dan, kalau ini benar, apakah Kerajaan bermaksud untuk mengadakan perundingan dengan negara-negara jiran, terutama di dalam ASEAN bagi mencari suatu penyelarasan supaya kedudukan faedah yang dikenakan oleh bank-bank dalam negara-negara ASEAN tidak begitu jauh jurang perbezaannya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan mendapat maklumat bahawa tindakan bank dengan menaikkan kadar faedah telah menjejaskan kedudukan dan keperluan pembeli rumah kos rendah. Justeru itu, Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk menetapkan satu peraturan yang lebih ketat memastikan semua bank memenuhi kuota yang tertentu bagi menjamin kepentingan pembeli rumah kos rendah di kalangan masyarakat kita.

Mengenai soalan yang kedua, kedudukan liquidity tidak terjejas sama sekali walaupun kita dapati kadar faedah yang jauh lebih tinggi di beberapa negara. Saya tidak menjangka dalam masa yang singkat ini ada kemungkinan kita dapat selaraskan kadar faedah di antara negara-negara ASEAN kerana tahap pembangunan ekonomi yang jauh berbeza dan kadar faedah yang jauh lebih tinggi yang dikenakan di beberapa negara ASEAN tertentu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada beliau sedar bahawa interest margin di bank-bank iaitu di antara lingkungan 2% adalah tinggi kalau dibanding dengan interest margin di peringkat antarabangsa. Interest margin ini adalah tinggi kerana kadar yang ditawarkan oleh bank-bank untuk simpanan deposit adalah terlalu rendah kalau dibandingkan dengan kadar pinjaman, iaitu apabila kadar pinjaman dinaikkan, ia tidak diikuti dengan kenaikan kadar pada simpanan deposit. Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya para pengguna mendapat pulangan yang wajar daripada simpanan mereka di bank-bank?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai cukai ke atas pendapatan daripada wang simpanan itu, adakah terdapat kesan daripada cukai itu terhadap jumlah simpanan yang disimpan oleh para pengguna, dan kalau ada, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menghapuskan atau memansuhkan cukai tersebut?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut kajian kita, margin faedah yang dikenakan di bank tempatan adalah moderate atau munasabah dan tidak tepat kalau dikatakan bahawa ini berbeza besar dengan kadar margin yang dikenakan di peringkat antarabangsa. Lagi pun, jurang yang dikenakan di peringkat antarabangsa itu besar sekali bezanya di antara beberapa negara membangun dengan negara-negara OECD.

Yang kedua, kita menjangkakan bahawa kepentingan pengguna masih terjamin dan sebagai badan pengawas, Bank Negara memang senantiasa meneliti supaya kepentingan masyarakat terbanyak juga terurus dan meskipun syarikat-syarikat kewangan mendapat pulangan yang lumayan, tetapi tidak mendapat satu kesan bahawa faedah pengguna terjejas. Kita mengamalkan satu sistem ekonomi yang terbuka dan bebas. Oleh yang demikian kongkongan dan pengawasan berlebihan akan menjejaskan prinsip dan dasar tersebut.

Mengenai soalan terakhir mengenai cukai ke atas pendapatan daripada wang simpanan yang diumumkan baru-baru ini terutama dalam ucapan Belanjawan, agak terlalu awal untuk kita buat penilaian. Namun kita berkeyakinan bahawa ini merupakan di antara langkah penting untuk menggalakkan tabungan di kalangan rakyat dan sekiranya galakan ini mendapat satu sambutan yang baik, kita akan tambah beberapa kemudahan lain.

DEPOT PELURU DI MELAKA—PENYIASATAN

12. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pertahanan menyatakan samaada langkah-langkah positif sudah diambil terhadap syarikat yang bertanggungjawab dengan pembinaan depot peluru di Melaka hingga menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian \$71 juta. Sila nyatakan:

- (a) menyenarai hitamkan syarikat Sri Kinabalu Sdn. Bhd. dan MAA Holdings Sdn. Bhd. daripada mendapatkan sebarang tender di Kementerian Pertahanan;
- (b) menyenarai hitamkan ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat berkenaan daripada mendapatkan tender atas nama syarikatnya yang lain; dan
- (c) sama ada tindakan undang-undang diambil kepada syarikat serta kakkangan Kementerian Pertahanan yang terbabit dalam skandal ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah untuk menyenarai hitamkan Syarikat Sri Kinabalu dan Syarikat Juruperunding Sigoh Din Sdn. Bhd. dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat berkenaan dengan melaporkan perkara ini kepada Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor dan Jabatan Kerja Raya pada 19hb Jun 1991. Sehubungan dengan itu, pihak Perbendaharaan telah mengambil tindakan menyenarai hitamkan Syarikat Sigoh Din Sdn. Bhd. mulai 25hb Jun 1991.

Mengenai Syarikat Sri Kinabalu, pihak Pusat Khidmat Kontraktor tidak dapat mengambil apa-apa tindakan

kerana Syarikat tersebut telah dibubarkan pada tahun 1987. Mengenai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Sri Kinabalu, pihak PKK akan mengkaji semula kedudukan mereka jika terdapat sebarang permohonan pendaftaran pada masa hadapan. Menurut peraturan sekarang, mana-mana syarikat dan ahli Lembaga Pengarah yang disenarai hitamkan tidak boleh menyertai mana-mana tender Kerajaan.

Tindakan undang-undang sedang diambil ke atas Syarikat Juruperunding Sigoh Din Sdn. Bhd. dengan mengfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan pada 29hb Julai 1991 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada masa yang sama, pihak Badan Pencegah Rasuah juga adalah di dalam proscs penyiasatan ke atas kakitangan-kakitangan Kementerian Pertahanan yang terlibat di dalam projek ini. Apabila selesai penyiasatan oleh BPR, laporan siasatan itu akan dikemukakan kepada JPA untuk tindakan seterusnya,

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Depoh Peluru di Melaka ini menjadi isu beberapa masa baru-baru ini, kita mendengar ada seorang Menteri Besar, iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah ada dikaitkan dengan syarikat berkenaan kerana beliau adalah merupakan ahli Lembaga Pengarah semasa tender ini diberikan kepada syarikat berkenaan. Saya hendak tahu sejauh mana penglibatan beliau dengan syarikat ini.

Yang keduanya, baru-baru ini kita dengar penafian daripada beliau bahawa beliau tidak terlibat. Kalau dia duduk dalam ahli Lembaga Pengarah syarikat semasa tender ini diberi, bagaimana pula beliau menafikan penglibatan beliau?

Yang ketiganya, apakah siasatan yang dibuat oleh pihak BPR dan oleh pihak yang berkenaan yang merekodkan statement daripada beliau kerana apa yang kita dapat tahu daripada akhbar sehingga kini statement masih belum direkodkan daripada beliau.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah diumumkan, penglibatan Menteri Besar tersebut adalah sebagai Lembaga Pengarah dan sebagaimana yang kita tahu, tidak di dalam kerja-kerja harian ataupun pengurusan syarikat ini kerana tidak ada bukti yang menunjukkan begitu.

Walau bagaimanapun, tentang perkembangan selanjutnya, itu adalah di luar tanggungjawab dan bidangkuasa Kementerian ini. Segala-gala yang perlu dibuat oleh Kementerian Pertahanan telah kita lakukan dan mengambil tindakan dari segi undang-undang dan mengadakan perkara ini kepada pihak BPR dan sebagainya.

Tentang siasatan BPR ini, saya tidak berada dalam kedudukan yang tepat untuk menjawab. Bagaimana BPR menyiasat, terserahlah kepada Jabatan itu, tetapi yang kita tekankan di sini oleh KEMENTERAH ialah tentang pegawai-pegawai kita, iaitu pegawai-pegawai Kementehaan jika terdapat salah laku, maka pihak BPR sedang menyiasat dan kalau siasatan ini didapati terbukti, apa-apa jua salah laku maka tindakan selanjutnya akan diambil mengikut peraturan yang ada.

SEKATAN EKONOMI KE IRAQ

13. Dr Sanusi bin Daeng Mariok tinenta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap penerusan sekatan ekonomi ke atas negara Iraq yang sedang dilakukan oleh negara-negara Barat.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Cbe Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah saya jawab pada 14hb November baru-baru ini dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

PENSYARAH UNIVERSITI MELETAKKAN JAWATAN

14. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah Pensyarah-pensyarah Fakulti Perubatan di universiti-universiti tempatan yang telah berhenti dan menamatkan perkhidmatan untuk bertugas dengan hospital-hospital swasta sepenuh masa bagi tahun 1985 hingga 991; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, kadar perletakan jawatan kakitangan akademik di universiti tempatan adalah di sekitar 2% bagi lima tahun kebelakangan dan ini termasuklah kakitangan akademik di Pakulti Perubatan. Mereka mempunyai alasan-alasan yang tersendiri, di antaranya ingin berkhidmat di hospital-hospital swasta dan ingin membuka klinik persendirian.

Untuk mengatasi masalah kekurangan pensyarah-pensyarah di Fakulti berkenaan, pihak universiti menjalankan berbagai langkah, antaranya:

- (i) membuat pengambilan baru bagi mengisi jawatan-jawatan yang dikosongkan;
- (ii) menghantar pelajar yang berkelayakan mengambil kursus kepakaran atau

melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya mereka akan ditawarkan jawatan di Fakulti berkenaan; dan

- (iii) pihak universiti akan melantik tenaga pengajar asing secara kontrak bagi mengisi kekosongan jawatan.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada Kementerian Pendidikan boleh mengizinkan melanjutkan umur persaraan ahli-ahli akademik memandangkan bahawa pada lazimnya umur 55 tahun ini adalah peringkat di mana perkembangan intelektual mereka berada di tahap yang paling matang. Dan kalau kita lihat daripada laporan di universiti orang-orang yang menerima 'Nobel Price' semua umurnya lebih daripada 65 tahun ke atas. Jadi, kalau kita suruh mereka berhenti pada umur itu, ini boleh dianggap sebagai suatu pembaziran intelektual, itu bercanggah dengan Islam. (*Ketawa*)

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan bcrbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas alasan-alasan yang begitu panjang tentang perlunya kita melanjutkan umur persaraan kepada Pensyarah-pensyarah dan Profesor-profesor, kenamaan di mana perkhidmatan mereka diperlukan. Memang ini adalah dasar Kerajaan, dasar universiti tempatan dan kita telah melanjutkan perkhidmatan beberapa profesor selepas mereka bersara. Kita memberi mereka kontrak selama 1 hingga 3 tahun, tetapi malangnya ada sebahagian Profesor-profesor tersebut tidak ingin berkhidmat dengan universiti kerana pada pendapat mereka hospital-hospital swasta boleh membayar gaji yang lebih lumayan. Namun demikian, kita telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Ini termasuklah

melanjutkan tempoh perkhidmatan Profesor-profesor dan Pensyarah-pensyarah kenamaan di mana perlu dan kita beri mereka kontrak selepas mereka bersara.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada di antara rancangan untuk memastikan bahawa tidak ada masalah kekurangan Pensyarah-pensyarah di Fakulti Perubatan ialah untuk mengadakan satu perkhidmatan terbuka di mana Pensyarah-pensyarah yang telah meletakkan jawatan untuk pergi ke swasta dibenarkan balik tanpa menghilangkan tempoh perkhidmatan mereka di universiti-universitidan ini menjadi satu masalah kepada mereka kerana lost of service years, dengan izin.

Yang kedua sama ada masalah kekurangan Pensyarah-pensyarah di Fakulti-fakulti Perubatan khususnya di Universiti Malaya akan menjejaskan usaha Universiti Malaya untuk mendapat pengiktirafan balik daripada General Medical Council (GMC) di United Kingdom.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencrangkan sedikit tentang Perkhidmatan Universiti kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, yang nampaknya tidak faham dengan lebih mendalam. (*Tepuk*)

Secara amnya pengisian kekosongan di universiti sama ada dalam jawatan Pensyarah, Profesor Madya atau Profesor itu adalah mengikut iklan atas adanya vacancy. Untuk mengisi vacancy tersebut, mereka yang pernah keluar dari Perkhidmatan Universiti kalau mereka ingin pulang ke Perkhidmatan Universiti, mereka adalah layak untuk membuat permohonan untuk mengisi jawatan sama ada di peringkat Profesor, Profesor-profesor Madya atau Pensyarah. Dan dengan adanya sistem

itu, kehilangan perkhidmatan itu tidak timbul lagi kerana kita adakan satu perkhidmatan terbuka.

Mengenai pengiktirafan GMC, ini adalah dalam perhatian Universiti Malaya dan pihak tertentu telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mendapatkan balik pengiktirafan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MEXICO

15. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil jangka pendek dan panjang lawatan Perdana Menteri ke Mexico baru-baru ini. Apakah reaksi dari negara berkenaan dan apa pula reaksi negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun terhadap lawatan tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan ini telah pun dijawab pada 23 Oktober 1991 dan 21 Oktober 1991.

PERUMAHAN KOS RENDAH

16. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa buakkah projek perumahan kos rendah yang telah dan sedang dibina mengikut negeri;
- (b) terdapat berapa buakkah projek-projek ini terbengkalai atau dibengkalaikan oleh

pemaju-pemaju perumahan dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap pemaju-pemaju ini; dan

- (c) apakah langkah-langkah wajar yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu golongan-golongan berpendapatan rendah bagi mengatasi masalah tempat kediaman selain daripada menjalankan projek rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan projek-projek perumahan kos rendah yang (i) telah disiapkan dan (ii) di berbagai peringkat pembinaan dari tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) sehingga 30 Jun 1991 adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Unit Siap</i>	<i>Bil. Unit Dalam Berbagai Peringkat Pembinaan</i>
Johor	18,071	31,511
Kedah	25,500	41,614
Kelantan	2,362	13,069
Melaka	3,277	7,346
N. Sembilan	7,652	12,803
Pahang	9,557	23,341
Perak	21,587	16,748
Perlis	1,059	1,154
Pulau Pinang	11,434	24,829
Selangor	13,500	39,555
Terengganu	883	2,768
W. Persekutuan	7,407	15,624
Sarawak	692	2,194
Sabah	2,991	4,939
Jumlah	125,972	237,495

- (b) Tidak ada projek perumahan kos rendah yang terbengkalai atau dibengkalakan. Ada terdapat projek-projek tersebut yang pelaksanaannya berjalan dengan perlahan dan agak lewat disiapkan kerana menghadapi berbagai masalah pelaksanaan seperti tapak asal yang dipilih kurang sesuai untuk dimajukan kerana keadaan fizikal tapak, kontraktor yang dipilih kurang keupayaan untuk melaksanakan projek, perubahan skop projek dan keupayaan Kerajaan-kerajaan Negeri yang terhad bagi melaksanakan projek-projek berkenaan. Bagi projek-projek di bawah program khas perumahan kos rendah yang bermasalah dan tidak berdaya maju, Kerajaan Negeri akan menggantikannya dengan projek lain.

- (c) Dalam membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah selain daripada menjalankan projek perumahan kos rendah, beberapa Kerajaan Negeri telahpun mula untuk melaksanakan projek-projek di bawah skim pertapakan dan kemudahan (SPK). Projek SPK ini melibatkan penyediaan tapak, infrastruktur dan rumah inti yang boleh diperbesarkan bila penghuni berkemampuan. Harga jualan seunit ialah \$10,000 di Semenanjung dan \$13,000 di Sarawak dan Sabah. Kementerian ini juga menyediakan skim pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah yang bukan kakitangan Kerajaan untuk membina rumah di atas tanah sendiri dengan had pinjaman maksimum \$7,500.00.

KEADAAN INFLASI

17. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai keadaan inflasi di negara kita pada masa ini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan pada masa yang sama tidak menjejaskan pembangunan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sungguhpun terdapat tekanan ke atas harga, keadaan inflasi di negara kita pada masa ini adalah terkawal. Indeks Harga Pengguna bagi bulan Januari hingga Oktober 1991 telah meningkat 4.4 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1990. Harga minuman dan tembakau telah meningkat 8.5 peratus dan makanan 4.7 peratus. Bagi makanan di rumah, harga ikan telah meningkat 11.9 peratus dan buah-buahan dan sayur-sayuran sebanyak 10.3 peratus. Berasaskan kepada peningkatan sehingga bulan Oktober 1991, saya yakin inflasi pada keseluruhan tahun ini tidak akan meningkat melebihi 4.5 peratus sebagaimana yang dianggarkan.

Beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk membandung inflasi.

- (i) Mulai 16 Ogos 1991, nisbah rizab berkanun (statutory reserve ratio) bank-bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank-bank saudagar telah dinaikkan daripada 6.5 peratus kepada 7.5 peratus. Dengan langkah ini, lebih mudah tunai daripada sistem urusan bank dapat diserapkan dan dapat membantu mengurangkan pertumbuhan permintaan agregat yang tinggi. Pertumbuhan bekalan wang umum (M3) meningkat sebanyak 17 peratus sahaja dalam tempoh Januari-

September 1991 berbanding dengan 19.3 peratus pada tempoh yang sama tahun 1990.

- (ii) Bank Negara Malaysia juga telah membebaskan kawalan pentadbirannya ke atas penetapan kadar faedah pinjaman asas atau base lending rate dan membiarkan kuasa pasaran menentukan paras kadar faedah dalam negeri yang sesuai. Langkah ini dapat membenarkan kadar faedah berberak bebas berasaskan kuasa pasaran dan persaingan serta menggalakkan peningkatan tabungan dalam negeri.
- (iii) Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah mengetatkan syarat-syarat pinjaman sewa beli yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan untuk pembelian kenderaan bermotor, berkuatkuasa pada 16 Ogos 1991. Ini juga bertujuan bagi mengurangkan kredit penggunaan serta mengurangkan pertumbuhan bekalan wang dan tekanan inflasi.
- (iv) Dari segi dasar fiskal, Kerajaan terus mengamalkan dasar berjimat cermat dan mengawal perbelanjaan yang rapi dalam pengurusan kewangannya.
- (v) Dalam Belanjawan 1992, beberapa langkah telah diperkenalkan supaya tabungan swasta boleh dipertingkatkan. Ini termasuk membenarkan pembukaan cawangan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bank, mengadakan perkhidmatan bergerak dan menubuhkan pondok-pondok di pusat

pamiran atau kompleks perniagaan serta menaikkan tahap pengecualian cukai ke atas faedah yang diperolehi dari akaun simpanan di bank perdagangan atau syarikat kewangan serta di koperasi yang berdaftar, Bank Pertanian, Malaysian Building Society Berhad (MBSB) dan Borneo Housing Mortgage Finance Berhad.

- (vi) Selain daripada langkah fiskal dan kewangan yang tersebut, Kerajaan juga terus mengawal harga barang-barang keperluan serta mengawasi dengan teliti perbekalan barangan di pasaran.

DARUL ARQAM— PENGHARAMAN PENERBITAN

18. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab yang membawa kepada pengharaman Kerajaan terhadap kegiatan-kegiatan dan penerbitan-penerbitan Darul Arqam.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan mengharamkan kegiatan dan penerbitan-penerbitan Darul Arqam kerana ia menganjur dan menyebarkan amalan "Aurad Muhammadiyah" yang menyalahi akidah Islam. Akibatnya ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam. Kesucian dan keutuhan Islam hendaklah sentiasa dipelihara.

PERLETAKAN SENJATA PARTI KOMUNIS MALAYA

19. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil perjanjian antara Kerajaan dan PKM, pengganas Komunis bersetuju meletakkan senjata

dan ditawarkan untuk kembali ke pangkuan masyarakat;

- (a) berapa ramai yang telah kembali ke pangkuan masyarakat;
- (b) adakah mereka kesemuanya diterima kembali melalui proses pemulihan di Kem Tahanan Kamunting;
- (c) apakah Kerajaan memberi pengampunan penuh terhadap jenayah pengganas Komunis walaupun diketahui mereka bertanggungjawab melakukan pembunuhan bersenjata;
- (d) apakah benar terdapat beberapa anggota PKM menolak untuk kembali ke tanahair, jika benar, nyatakan sebab-sebabnya; dan
- (e) apakah mereka yang diterima kembali itu dibenarkan bergerak aktif dalam politik kepartian.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Setakat ini terdapat seramai 13 orang termasuk seorang kanak-kanak dibenarkan kembali ke pangkuan masyarakat setelah permohonan mereka diproses dan diluluskan oleh Kerajaan.
- (b) Bagi menjawab soalan (b) dan (c), perlulah dimaklumkan bahawa semua mereka ini sebelum kembali ke negara ini telah menjalani kehidupan baru di empat perkampungan di Selatan Thailand di mana mereka mengalami proses pendedahan dan penyesuaian untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Pihak Kerajaan dengan kerjasama pihak Thailand telah mengikuti dengan teliti perkembangan proses penyesuaian dan perubahan sikap ini dan hanya membenarkan kembali ke tanahair mereka yang benar-benar mempunyai sikap dan

penyesuaian yang dikehendaki setelah dibuat tapisan termasuk temuduga yang teliti. Oleh itu, selaras dengan syarat-syarat Perjanjian 2 Disember 1989 itu, mereka tidak lagi menjalani proses pemulihan dan tindakan undang-undang.

- (d) Memang benar terdapat beberapa orang bekas anggota PKM yang menarik balik permohonan mereka untuk pulang ke tanahair. Antara sebab-sebabnya adalah kerana kebanyakan dari mereka telah berkahwin dengan warganegara Thai dan menjalani kehidupan di sana. Juga ada antara mereka tidak lagi mempunyai keluarga atau saudara mara di Malaysia.
- (e) Bekas-bekas anggota PKM yang dibenarkan kembali ke negara ini dibenarkan menikmati hak-hak berpolitik yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka didapati menjalankan aktiviti-aktiviti yang mengancam keselamatan negara, tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka di bawah undang-undang yang ada.

ANGGOTA TUDM LABUAN DISERANG—PENYIASATAN

20. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada penyiasatan telah dibuat ke atas kejadian di mana beberapa orang anggota tentera di Labuan mengamuk kepada orang awam pada sedikit hari yang lalu (maaf kerana tarikh sebenarnya saya tidak berapa ingat).

- (a) apakah punca sebenarnya sehingga anggota tentera yang diharapkan untuk menjaga

keselamatan negara boleh menjadi begitu merbahaya kepada masyarakat awam;

- (b) berapa orang tentera yang terlibat dan bilangan mengikut pecahan pangkat dalam tentera; dan
- (c) adakah kejadian itu telah dibawa kepada Mahkamah Pengadilan.

Kalau ia, apakah keputusan Mahkamah.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Penyiasatan di atas kejadian di Labuan pada 1 Ogos 1991 itu telah dijalankan. Telah didapati ianya berpunca daripada salah seorang anggota TUDM Labuan dipukul oleh sekumpulan 5 orang dipercayai warganegara Indonesia. Akibat daripada kejadian itu, anggota tentera tersebut telah dimasukkan ke hospital dalam keadaan tulang rusuk kirinya retak dan hidung, mulut mata dan pipi cedera. Ekoran daripada itu, tindakan membalas dendam telah diambil terhadap pihak yang menyerang anggota TUDM itu.
- (b) Bilangan anggota yang terlibat tidak dapat dipastikan secara tepat sungguhpun dianggarkan lebih kurang 200 orang anggota ada terlibat. Adalah diketahui bahawa perancangan ini datangnya dari 2 orang pegawai berpangkat Leftenan dan 1 orang Sarjan.
- (c) Berikutan daripada kejadian itu, 4 dari 5 orang yang disyaki telah ditangkap dan dituduh di Mahkamah Majistret Labuan pada 26 Ogos 1991. Mereka ini telahpun dijatuhkan hukuman penjara di antara 3 bulan hingga 1 tahun.

SUIL KELAHIRAN ANAK PENDATANG TANPA IZIN

21. Tuan Pbilip Yong Chiew Lip minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandang kepada keselamatan dalam negeri dan negara, anak-anak yang dilahirkan oleh pendatang tanpa izin tidak patut diberi sijil kelahiran. Sijil ini kemudian akan diproses kelak untuk mendapat kad pengenalan biru. Adakah Kerajaan Pusat mengambil tindakan untuk mencegah masalah ini dan apakah caranya.

Dr Mahatbir bin Mohamad: Mengikut undang-undang mengenai pendaftaran kelahiran semua kelahiran di negara ini hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan sijil kelahiran. Sijil kelahiran hanya berfungsi sebagai dokumen yang merakam maklumat penting bayi dan ibu bapa berkenaan.

Kanak-kanak pendatang tanpa izin tidak layak mendapat kad pengenalan biru walaupun mereka lahir dan memiliki sijil kelahiran. Kementerian Dalam Negeri mempunyai sistem kawalan yang rapi dan berkesan bagi memastikan hanya warganegara Malaysia sahaja yang dikeluarkan kad pengenalan biru.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DUTI IMPORT (PENGESAHAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memgesahkan levi dan kutipan duti import dan untuk menanggung rugi Kerajaan Malaysia dan pegawai-pegawai yang tertentu berkenaan dengan import dan yang telah dilevi dan dikutip di seluruh

Malaysia dalam tempoh dari 29hb Mac, 1990 hingga 22hb Ogos 1991; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan, 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Ketiga belas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B.45 (Jadual)—
Maksud P.45 (Anggaran Pem-
angunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.45 dan P.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Ya, Bayan Baru.

4.08 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pada Butiran 010000 Pengurusan (Kementerian).

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, saya dapati bahawa Kementerian Buruh telah memainkan peranan yang begitu tidak efektif bagi kepentingan kaum pekerja. Saya lihat Kementerian Buruh seolah-olah menjadi sebuah Kementerian sokongan ataupun complementary kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kementerian ini seolah-olah memainkan peranan mementingkan kepada kepentingan pelabur-pelabur dari luar negeri dan kepentingan perdagangan antarabangsa. Ia bukan memainkan peranan seperti....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: Saya diberi masa hanya 15 minit, kalau hendak ganggu berapa minit yang ada? Kalau hendak bercakap, nanti selepas ini bercakaplah. Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Ahmad bin Nor: 15 minit, apa yang hendak ganggu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak beritahu Yang Berhormat tidak tahu aturan.

Tuan Ahmad bin Nor: Kita juga dapati bahawa Kementerian Sumber Manusia dengan Menteri yang ada sekarang, walaupun secara peribadi saya berani mengatakan Menteri yang ada sekarang, Menteri Sumber Manusia adalah seorang yang baik, yang peramah, yang mudah kita berjumpa dan kita berbincang dalam soal-soal buruh. Tetapi sikap yang telah dibawa olehnya selama ini meneraju Kementerian ini adalah sikap kapitalis

kerana kemungkinan beliau tidak mempunyai latarbelakang seorang yang terlibat dalam perburuhan. Mungkin ia dahulu seorang taukeh, taukeh kaya. Dan begitulah ia membawa sikap sebagai seorang taukeh di dalam Kementerian Sumber Manusia. Siapa sahaja yang hendak jumpa beliau memang baik. Itu sifat taukeh di Malaysia, tetapi sebenarnya dalam menjalankan peranan dan tindakan-tindakan di dalam Kementerian Sumber Manusia, ini saya lihat bahawa ia lebih mementingkan kepada kepentingan peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur. Oleh yang demikian, saya merasa kesal bahawa nasib kaum pekerja di negara ini selama tempoh lima tahun kebelakangan ini dilihat bahawa Kementerian ini tidak memberi satu perhatian yang serius bagi mengatasi berbagai masalah yang kita lihat di negara ini. Harus kita sedar, walaupun Menteri tidak hadir pada hari ini, saya harap Timbalannya dapat sedikit-sebanyak memberi pandangan yang lebih bernas. Kita tidak mahu dengar "diambil kira", "diambil kira" setiap masa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Kita sedar bahawa di dalam negara ini pekerja-pekerja yang berkesatuan hanya lebih kurang dalam 15% daripada lebih kurang 7 juta tenaga pekerja. Ini bererti 85% mereka tidak berpersatuan. Oleh yang demikian, mereka ini terdedah oleh berbagai eksploitasi tekanan dari tajaan-majikan yang tidak bertanggungjawab. Juga kita tahu bahawa pekerja-pekerja yang tidak mengetahui hak mereka adalah golongan yang majohti. Mereka yang bekerja di luar bandar di kebun-kebun kecil, mereka yang bekerja di kedai-kedai kecil, perniagaan-perniagaan kecil, mereka ini adalah dalam golongan yang ramai dan tidak mengetahui tentang hak mereka sebagai kaum pekerja. Selama ini saya tidak nampak Kementerian Sumber

Manusia memberi perhatian yang yang serius untuk menentukan bahawa kebajikan dan kepentingan golongan ini diperhatikan dengan secara serius. Kalau ada pun, Kementerian Sumber Manusia hanya memberi perhatian kepada golongan pekerja yang berpersatuan ataupun yang berorganised melalui kesatuan masing-masing, sedangkan pekerja-pekerja lain tidak diberi perhatian yang secara serius. Keadaannya menjadi lebih buruk sekarang ini kerana negara ini sedang menghadapi dengan masalah pendatang asing. Bukan hanya pendatang asing yang datang secara....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ada 15 minit. Kalau diganggu, apa yang ada pada saya. Kalau dia hendak bercakap, lepas ini dia boleh bercakap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak beri?

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak beri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Ahmad bin Nor: Minta maaf. Tambahan pula negara ini sekarang ini sedang menghadapi masalah dengan pekerja-pekerja asing, lebih-lebih lagi pendatang haram. Walau apa jua pun yang dijawab oleh pihak Kementerian Sumber Manusia mahupun Kementerian Dalam Negeri tentang kedudukan pendatang haram, sebenarnya kedudukan mereka di negara ini begitu banyak dan mengancam kedudukan pekerja-pekerja asing, terutamanya kaum pekerja tempatan kita yang tidak tahu tentang hak mereka, dan mereka terpaksa bersaing dengan pendatang haram yang bekerja di merata tempat di luar bandar. Oleh kerana itu, pendapatan

mereka berkurangan. Mereka terpaksa berlumba-lumba untuk mencari pekerjaan. Apakah peranan Kementerian Sumber Manusia selama ini?

Saya tidak lihat apa sebab tindakan yang hendak diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk menentukan bahawa mereka yang tidak berpersatuan diberi perhatian yang serius dan diberi perlindungan yang sewajarnya dalatn apa segi bentuk, upah, syarat pekerjaan dan lain-lain. Sebab itu berkali-kali pihak kesatuan sekerja, pihak lain telah mendesak Kerajaan untuk menggubalkan satu Dasar Buruh Negara. Sudah dua tahun perkara ini dicakap dalam akhbar dan di sana sini tetapi sehingga hari ini habuk pun tidak nampak tentang Dasar Buruh Negara. Apa telah berlaku dengan perbincangan yang begitu lanjut sama ada di luar dan dalam Majlis Penasihat Buruh Negara? Kita tidak tahu apakah terjadi dengan Dasar Buruh Negara. Mungkinkah Dasar Buruh Negara ini telah digariskan untuk memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur sehingga pihak pekerja tidak puas hati dan pihak Kementerian pun tidak menerima cadangan balas dari pihak pekerja dan akhirnya Dasar Buruh Negara terbengkalai, hilang di dalam angin.

Begitu juga dengan Dasar Upah Minima. Kalau kita benar-benar hendak menolong kaum buruh, kaum pekerja, yang tidak dilindungi oleh persatuan mereka, mereka yang tidak diorganised, sekurang-kurangnya kita patut adakan Dasar Gaji Minima, di mana pekerja-pekerja ini akan mendapat perlindungan terutamanya pekerja-pekerja di luar bandar dan pekerja-pekerja yang terlibat di dalam perniagaan-perniagaan kecil. Dengan adanya Dasar Buruh Negara, dengan adanya Dasar Upah Minima, kita berharap pekerja-pekerja sama ada mereka yang berpersatuan atau yang

tidak berpersatuan akan diberi perlindungan yang sebenarnya. Tetapi Kementerian Sumber Manusia tidak berbuat ini semua. Perkara ini kita tidak pernah tihat. Yang ada kita lihat laitu Kementerian Sumber Manusia hanya memberi perhatian kepada pekerja-pekerja yang berpersatuan.

Tuan Pengerusi yang saya hormati, kemudian kita lihat sikap Kerajaan pada hari ini, terutamanya kenyataan yang berkali-kali dibuat oleh Perdana Menteri. Saya merasa kesal dan sedih. Kalau dahulu saya lihat perkembangan pertumbuhan kesatuan sekerja di negara ini semakin baik, tetapi sejak lima tahun kebelakangan ini, saya lihat seolah-olah Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr Mahathir hendak membunuh pergerakan buruh di negara ini. Baru-baru ini Perdana Menteri bercakap, "Kita sekarang ini menggalakkan persatuan dalaman, kita tidak menggalakkan kesatuan sekerja". Terang-terang dia bercakap. Kemudian dia memberi perbezaan apakah kesatuan dataman, peranan kesatuan dalaman dan peranan kesatuan sekerja. Kononnya kesatuan dalaman ini berperanan untuk menjaga kepentingan syarikat—kalau syarikat untung, maka pekerja boleh mendapat untung. Tetapi tidak ada dasar, tidak ada pendirian tentang bagaimanakah apabila syarikat itu untung bahawa pekerja akan mendapat faedah daripada keuntungan itu—itu tidak disebut. Apakah itu dinamakan kesatuan yang boleh memberi perlindungan dan memberi faedah kepada kautn pekerja. Tidak.

Di dalam negara ini, kesatuan dalaman kita tahu memang tidak sesuai. Ini bukan Jepun, ini bukan Amerika Syarikat. Di dalam negara kita ini tidak ada kilang-kilang yang besar yang mengambit pekerja sebanyak 10,000 ataupun 20,000 orang. Setingginya 2,000 orang. Kalau kesatuan dalaman dengan hanya biangan pekerja sebanyak 2,000,

apakah mereka ini boleh buat? Sebab itu, kita mahu kesatuan sekerja. Kesatuan sekerja bukanlah kesatuan sekerja sepertimana yang dianggap oleh Perdana Menteri—satu pandangan negatif oleh Perdana Menteri. Dia melihat kesatuan sekerja sebagai musuh, sebagai orang yang akan menggugat ekonomi negara, seolah-olah ia akan menggugat dia punya Wawasan 2020. Kalau dia pandang kesatuan sekerja ini sebagai satu pertubuhan, satu pergerakan yang positif, yang boleh membantu ke arah membangun ekonomi negara, ke arah menjaga keselamatan kaum pekerja, maka dia tidak akan bercakap bahawa kesatuan sekerja ini akan mewujudkan konfrontasi dengan majikan dan akan menyusahkan syarikat berkenaan. Pandangan yang negatif seumpama itu amatlah dikesalkan. Saya berharap Kerajaan Malaysia sepertimana yang wakil kita terutamanya Perdana Menteri bercakap di forum antarabangsa termasuk di Bangsa-bangsa Bersatu, kita harus menghormati hak asasi manusia, hak asasi kaum pekerja. Dan antara hak asasi, hak asasi kaum pekerja mudah—mereka mesti diberi hak kebebasan untuk berpersatuan. Sama ada mereka mahu kesatuan sekerja ataupun kesatuan dalaman, itu adalah hak mereka untuk menentukan, bukanlah Kerajaan ataupun Kementerian Sumber Manusia yang boleh paksa mereka sama ada mereka mahu jenis kesatuan sekerja ataupun kesatuan dalaman.

Pada hari ini saya merasa kesal, kerana saya lihat kesatuan-kesatuan yang ada pun tidak sebegitu cergas, tidak sebegitu berani, tidak sebegitu bersemangat hendak berjuang bagi kepentingan ahli-ahli mereka. Mereka ditekan secara halus, secara propaganda Barisan Nasional. secara undang-undang yang telah dipinda untuk menekan kaum pekerja.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Ahmad bin Nor: Ini apa? Kalau hendak berucap, sekejap lagi berucap. Jangan ganggu saya berucap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Sekarang tidak ada masa hendak beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cakap jangan lebih, minta bukti atas tajuk apa bercakap, tolong beritahu Dewan. Jangan emosi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk! Bayan Baru teruskan. Ada masa dua minit lagi untuk menggulung.

Tuan Ahmad bin Nor: Jadi, saya berharap Perdana Menteri mahupun Kementerian Sumber Manusia, janganlah mengubah keadaan ini untuk melemahkan Kesatuan Sekerja di negara ini sehingga suatu hari kaum pekerja kita hanya menjadi robot dan hamba kepada pelabur-pelabur asing.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Butiran 030000 Keharmonian Perhubungan Perusahaan, saya ingin menyentuh tentang pendaftaran Kesatuan Sekerja. Kita lihat dalam masalah pendaftaran Kesatuan Sekerja, banyak lagi ataupun saya boleh katakan hampir 100% kilang-kilang elektronik masih belum didaftarkan. Kalau ya pun Kerajaan benarkan Kesatuan Dalam ditubuhkan dalam kilang-kilang elektronik, mengapa sehingga hari ini kalau ada pun dua tiga buah, itu kita anggap macam tidak ada sebab kita ada beratus kilang elektronik di negara ini. Kilang-kilang elektronik ini walaupun ada yang berusaha untuk mendaftarkan Kesatuan Dalam tetapi tidak mendapat peluang untuk mendaftarkan Kesatuan mereka.

Mereka masih menghadapi berbagai ancaman, halangan, ugutan daripada majikan-majikan mereka dan pihak Kementerian Sumber Manusia khususnya bahagian Pendaftaran Kesatuan Sekerja, seolah-olah buat tidak lihat ataupun tidak nampak dengan kebenaran yang sedang berlaku di dalam kilang-kilang elektronik ini. Kita merasa kesal, kerana keadaan di kilang elektronik tidaklah sepertimana yang pernah dibayangkan oleh Menteri termasuk Perdana Menteri sama ada dari segi pendapatan dan kebajikan mereka. Kita tidak nampak bahawa mereka akan mendapat satu nikmat yang baik daripada majikan terutamanya daripada pelabur-pelabur asing.

Baru-baru ini Kerajaan ada mencadangkan untuk membenarkan kaum wanita, surirumah boleh bekerja di kilang-kilang mulai pukul 5.00 hingga 11.00 malam. Bila suami balik dari kerja, suami jaga anak, suami memasak dan si isteri boleh pergi kerja dari pukul 5.00 sampai pukul 11.00 malam. Apakah ini satu idea yang merepek yang datang dari Menteri? Seolah-seolah saya tidak faham, apakah ini satu ideakah atau konsepkah yang hendak memperbaiki keadaan, tiba-tiba hendak suruh surirumah tangga bekerja dari pukul 5.00 hingga 11.00 malam. Mereka tahu, selain daripada upah kira ikut jam, tidak ada lain-lain faedah. Tidak ada cuti, tidak ada faedah perubatan, tidak ada perlindungan EPF, SOCSO semata-mata kerana hendak beri pelabur asing meningkatkan lagi pengeluaran mereka, hendak beri mereka jadi lebih kaya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, jadi kita berharap perkara yang seumpama ini mesti diberi perhatian yang berat oleh Kementerian Sumber Manusia.

Akhir sekali, dalam gulungan saya, saya ingin menyentuh Butiran 030300 iaitu berhubung dengan Arbitrasi yang ada hubungan dengan Mahkamah Perusahaan.

Saya kesal kerana kedudukan Mahkamah Perusahaan tidak sebegitu cukup dan tahap sepertimana yang diharapkan khususnya di Pulau Pinang. Kementerian telah berjanji untuk mengadakan sebuah Mahkamah Perusahaan di Pulau Pinang sejak dua tahun yang lalu tetapi Mahkamahnya ada di tempat yang sementara dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang dijanji sebagai seorang Pengerusi Tetap, sehingga hari ini tidak wujud dan baru-baru ini dalam bulan Oktober kononnya Pengerusi Mahkamah Perusahaan di Pulau Pinang tidak dapat lagi hendak datang dari Kuala Lumpur disebabkan tidak ada lagi peruntukan dan oleh sebab ini, saya rasa keadaan yang sama berlaku di lain-lain negeri termasuk di Sabah dan Sarawak.

Oleh yang demikian, saya rasa tentu kes-kes yang tertangguh kian bertambah. Maka saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang ada di sini, berapakah kes-kes tertangguh sejak 1 Januari 1990 dan saya berharap segala masalah berhubung dengan Mahkamah Perusahaan dapat diatasi dengan seberapa segera yang boleh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau.

4,25 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah maksud Bekalan 45, Program 020200 Perkhidmatan Pekerjaan dan juga Program 040300 Pentadbiran Am Jabatan Kilang dan Jentera.

Mulanya, Tuan Pengerusi, saya tidak mahu bercakap di atas Kementerian ini kerana saya berpuashati di atas tahap pencapaian mereka dalam mengendalikan masalah buruh negara. Kita tahu bahawa kita tidak dapat menyelesaikan masalah 100% tetapi sekarang-kurangnya mereka telah dapat menyelesaikan masalah sampai ke tahap yang kita anggap boleh memuaskan.

Yang pertama, saya hendak komen di bawah perkhidmatan pekerjaan ini dan juga di bawah Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Yang Pertama berhubung dengan Ahli dari Bayan Baru, bekas pemimpin Kesatuan Sekerja dan sekarang ini menjadi pemimpin Kesatuan Sekerja. Saya ingin bertanya kepadanya dan saya harap pihak Kerajaan boleh menjawab bagi pihak saya.

Dia bercakap ini bagi pihak pekerja atau bagi pihak orang yang belum bekerja dan kita lihat bahawa percakapannya tadi agak mabuk, seumpama orang mabuk sedang bercakap. Mula-mula bercakap menyuarakan pendapat Kesatuan Sekerja, tiba-tiba di akhirnya itu pula ada memperjuangkan orang yang belum bekerja iaitu wanita yang Kerajaan cadang untuk hendak bekerja. Jadi, kita sudah confused. Perjuangannya ini sampai ke tahap mana? Hendak jaga Kesatuan Sekerja atau hendak jaga orang yang belum bekerja?

Saya bersetuju dengan pentadbiran Dr Mahathir kerana tidak pernah apa yang dibuat oleh pentadbirannya merupakan satu janji kosong ataupun kehampaan. (*Tepuk*) Saya setuju juga bahawa Kesatuan Sekerja banyak merosakkan kedudukan ekonomi negara daripada menguntungkan dan kita lebih bersetuju supaya diadakan Persatuan Sekerja secara Dalaman.

Tuan Ruhanie bin Haji Abmad:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa Kesatuan Sekerja ini lebih merosakkan ekonomi negara oleh kerana ada sesetengah pemimpin-pemimpinnya yang diletakkan di tempat sebagai pemimpin yang mendapat gaji yang lumayan hasil dari pekerja-pekerja yang diperah tetapi mereka mempolitikkan Kesatuan Sekerja itu sendiri?

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu yang saya hendak kata, saya hendak ulang tetapi saya belum kata lagi. Itu keadaan sebenarnya. Kalau betul-betullah kita hendak memperjuangkan kedudukan pekerja dan sebagainya, Yang Berhormat cuba nafikan kepada saya. Tentang yuran yang dibayar oleh ahli, saya tidak pasti, mungkin \$1 mungkin \$2 dan sebagainya tetapi gaji yang dibayar kepada orang-orang yang bekerja dalam pejabat Kesatuan Sekerja itu lebih tinggi daripada gaji yang mereka dapat di kilang-kilang elektronik yang diperjuangkan oleh kononnya Kesatuan Sekerja,

Persoalan yang timbul sekarang di bawah Perkhidmatan Pekerjaan sejauh manakah penglibatan pemimpin Kesatuan Sekerja dalam perkhidmatan pekerjaan untuk mendapatkan pekerjaan. Ini kita bercakap tidak payah berpolitik, dari segi logiknya cukup. Saya sendiri pun sebagai majikan dan saya ada pekerja saya dan kita pun menentukan tahap-tahap gaji. Yang saya timbulkan masalah ini semasa mereka ini belum mendapat pekerjaan tidak timbul muka Ahli Bayan Baru, tidak ada pun muka Ahli Bayan Baru dok tunggu di Pejabat

Pendaftar Pekerjaan, untuk tolong tengok siapa yang dapat pekerjaan tetapi bila orang itu dapat kerja, dia jadi hero. Sepatutnya yang jadi hero Kerajaan. Ini Kesatuan jadi hero. Macam Kesatuan-kesatuan Sekerja di tempat lain, lain. Kesatuan Sekerja di Jepun, lain. Mereka bukan sahaja Kesatuan Sekerja tetapi mereka juga menubuhkan factories.

Berapa faktori Kesatuan Sekerja Malaysia buat? Tiada. Mereka sendiri yang buat, mereka sendiri yang menggalakkan penubuhan Kesatuan Sekerja. Yang Berhormat ada menyelamatkan bahawa yang ada sekarang ini lemah, suara tidak lantang. Lantang untuk apa? Ayam jantan yang lantang kadang-kadang tahinya penuh di belakangnya itu. Yang pentingnya sekarang ini, bukan soal kelantangan, soal kepuasan—puas hati. Saya ini lantang tetapi saya bukan puas hati. Tetapi terpaksa saya lantang, kalau tidak buat apa saya lantang, duduk diam-diam pun boleh jadi Menteri, mana tahu?

Persoalannya sekarang ialah bukan persoalan lantang dan bukan soal Kesatuan Sekerja tetapi sejauh mana yang mereka boleh memperjuangkan dengan cara rundingan. Banyak perkara yang kita buat secara rundingan berjaya. Ada dua tiga Kesatuan Sekerja yang membuat rundingan dengan pihak Kerajaan mereka beroleh kejayaan. Tetapi apa yang saya tengok ialah pemimpin Kesatuan Sekerja yang duduk memimpin sekarang, mereka lebih berjuang dalam bentuk rundingan dengan Kerajaan, tetapi orang politik yang ada di Parlimen ini yang bisung. Saya tidak tahu yang mana satu sekarang pemimpin. Presiden CUEPACS, dia ada bisungkah di luar? Adakah?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berdialog di sini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, kena dapat maklum balas daripada kawan-kawan sebab dia tidak hendak bagi maklumat yang tepat pada saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, minta terus berucap.

Tuan Shahidan bin Kassim:.... termasuk gaji dia semasa dia menjadi pemimpin Kesatuan Sekerja di masa dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini dia, Bayan Baru bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim:....atau pun dia tidak dapat gaji dari Kesatuan Sekerja tetapi dia dapat kemudahan pergi ke luar negeri dengan menggunakan peruntukan Kerajaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Arau, hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dulu Superscale apa dalam Kerajaan?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya nampak dia membincangkan hal saya, lebih daripada hal Kementerian Sumber Manusia. Tidak adapun saya dengar hal Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini penjelasan yang diminta?

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya minta penjelasan daripada dia.kenapa dia minat sangat membincangkan hal saya. Kalau berkenan, sila datang, kita boleh bincang panjang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab apa, nombor satu, lanya berkaitan. Nombor dua, sebab dia bercakap seolah-olah dialah wakil Kesatuan Sekerja seluruh Malaysia. Ini salah. Yang wakil Kesatuan Sekerja seluruh Malaysia ialah kami, sebab kami yang memperjuangkan untuk memberi mereka pekerjaan. Saya hero, Dr Mahathir hero, bukan you. You bagi kerja apa? Kalau Dr Mahathir tidak bawa masuk semua kilang-kilang ke negeri ini siapa hendak beri kerja? Yang saya pening dan pantang tok nenek saya, bila sudah masuk, kita hendak jadi champion. Ini tidak payah. Runding elok-elok. Sekarang ini boleh-tidak pertahankan kepada saya tentang soal GSP. Yang mula membangkitkan soal GSP ini ialah Kesatuan Sekerjalah. Kalau tidak, Amerika diamkan begitu sahajalah. Dia bagi peluang mungkin sehingga tahun 2020 baru dia hendak timbang balik. Ini kerana mulut lantang, mulut capoi—capoi apa?—Celupar! Kerana celupar itu menyebabkan mereka terbuka mata dan sebagainya dan akhirnya, mungkin mereka menjadi ejen, mana kita tahu?

Bagi pihak pengusaha-pengusaha di Amerika amat bergembira tentang perkara-perkara semacam ini. Yang masalahnya, apabila Kerajaan mengatakan yang mereka sebenarnya ialah petualang kepada pertumbuhan ekonomi negara, mereka menafikan tetapi sekarang ini kita kena berawas dengan mereka. Mereka bermain politik sekarang, bermain politik supaya mereka menggunakan taktik Napoleon, dia akan terus attack dan dia tidak mempertahankan diri fasal GSP. Kta pun akan main benda yang sama seperti kita berperang dalam bentuk Napoleon. Tetapi ingat Napoleon cuma taktik sahaja bagus tetapi perang tidak pernah menang

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat, isu Napoleon itu tidak kena mengena dengan butiran. Saya tidak nampak pun ada?

Tuan Shabidan bin Kassim: Dia ada hubungan di sini, hendak tunjukkan DAP sekarang ini hendak mengalihkan, mengatakan Kerajaan tidak beri perhatian kepada Kesatuan Sekerja. saya hendak minta supaya dia bukti satu persatu. Menteri tidak payah jawab, buat selepas ini.

Saya hendak tolong menjawab bagi pihak Menteri. Buktikan satu persatu. Ini Yang Berhormat, tiap-tiap kali bercakap rambang sahaja, tidak faham—Kerajaan hampa. Ini bukan Soekarno dahulu. Tidak. Sekarang kita mahu detail. Jadi, kita pun sekarang, kita hendak bercakap secara detail pun tidak boleh kerana terpaksa geram mendengar Yang Berhormat bercakap. Kalau Yang Berhormat hendak bercakap secara khusus, kita akan beri sokongan. Saya kalau ada kes secara khusus, saya akan sokong—DAP, PAS atau 46, saya peduli apa, saya akan sokong. Tetapi tidak pernah sekalipun. Macam mana hendak sokong? Jadi kenalah sokong kami sebab kita telahpun buktikan yang kita kalau sekiranya tidak puashati sesuatu benda kita buktikan.

Okay, sekarang saya hendak buktikan. Sebagai contoh, saya bawa satu isu. Ini Pentadbiran Am, Jabatan Kilang dan Jentera. Saya hendak persoalan kepada Yang Berhormat Menteri, sekejap lagi saya berbalik kepada Kesatuan Sekerja kalau sekiranya saya ada masa. Sekarang ini kita dapati peralatan komputer telah dipergunakan dengan begitu meluas sampai ke peringkat timbang menimbang pun dengan menggunakan peralatan yang berkomputer.

Saya ingin bertanya, sejauh manakah kelayakan yang ada kepada pegawai-pegawai Kementerian ini

untuk membuat penguatkuasaan ataupun untuk membuat rondaan kepada kilang-kilang terutamanya kilang-kilang padi yang besar di seluruh Malaysia sekarang ini menggunakan penimbang berkomputer? Sejauh mana mereka mempunyai kelayakan untuk hendak menengok yang mereka ini tidak adjust sebelah malam. Kita hairan, ada satu insiden di sini, ini kalau dia hendak bawa bolehlah. Tetapi dia tidak hendak bawa sebab dia tidak tahu hendak bawa. Ada satu kes di mana satu lori padi yang ditimbang di sebuah kilang, kemudian ditimbang di kompleks LPN. Perbezaannya sampai 500 kilogram, pada hal kilang swasta ini menggunakan komputer. Kompleks LPN ialah jabatan Kerajaan dengan tidak berkomputer lagi, dia pakai alat lama tetapi ianya lebih tepat dan ianya telah disahkan oleh Jabatan Kilang dan Jentera dan yang lagi satu pun telah disahkan oleh Jabatan Kilang dan Jentera.

Saya ingin bertanya, sejauh manakah pegawai-pegawai ini yang telah dihantar berkursus dan sebagainya untuk menyesuaikan diri itu peralatan-peralatan baru yang lebih canggih yang lebih memeningkan kepala? Tetapi sebenarnya kita tahu bahawa benda-benda yang berkomputer ini, dia boleh diadjustkan dalam program-program yang teliti diatdrkan oleh tuan-tuan punya. Sejauh manakah penguatkuasaan hendak dibuat kepada penimbang-penimbang berkomputer ini untuk mengelakkan petani-petani tidak ditipu dari segi penimbangan. Saya terpaksa sebut perkara ini, kerana walaupun sedang berlaku pertandingan yang hebat di antara LPN dengan swasta dalam perusahaan padi, tetapi walaupun LPN boleh potong rendah, pihak swasta boleh potong rendah lagi. Dari segi lojiknya, kalau potong rendah, guarantec rugi—orang Ular kata "tobat ruginya", dia tidak boleh untung kalau potong rendah. Akhirnya, kita buktikan rupanya dari segi

penimbangan. Sebuah lori yang sama—saya ada minta seorang petani pergi timbang di kilang yang berkenaan, lepas itu saya suruh pergi timbang dekat LPN, ada perbezaan sampai 500 kilogram. Kalau sekilogram \$1.20, 500 kilogram sudah \$600 perbezaannya. Ini satu lori. Kita tahu bahawa ini tiada siapapun boleh bukti, Penguatkuasa LPN pun tidak boleh bukti kecuali Jabatan Kilang dan Jentera. Jabatan Kilang dan Jentera, mereka amat sibuk, pegawai tidak banyak dan kadang-kadang bukan berada di tiap-tiap daerah. Mereka ada di Alor Setar, lambat sampai. Jadi ada perbezaan masa. Tetapi kadang-kadang bila sampai, sebab ini komputer, jika mereka sampai, program itu dia punya disk juga, dia tukar yang lain. Apa kita hendak kata?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat Arau sebutkan di bawah tajuk apakah yang dibincangkan. Dia bincang Kementerian Komputer ataupun Sumber Manusia?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Bayan Baru perangai macam ini, Kepong masuk-masuk, dia dengar saya sebut komputer, diapun tanya fasal komputer. Ini dia masalahnya.

Masalah DAP, dia dengar masa itu sahaja, dia bukan dengar tajuk yang awal; tajuk yang awal ialah masalah penguatkuasaan Jabatan Kilang dan Jentera di mana sekarang ini kilang-kilang padi menggunakan penimbang berkomputer. Ah, itu dia soalnya, sebab itu saya masuk fasal komputer ini, sejauh mana kelayakan yang ada pada pegawai-pegawai ini boleh menghadapi masalah teknologi yang canggih ini. Dan dalam masa yang sama kalau kita buat report pun, elok dia sampai sahaja kita adjust balik

cepat-cepat komputer ini, sebab dia boleh adjust cepat. Akhirnya kita dapati sama balik level yang asal.

Jadi, bagaimana kita boleh buat, yang boleh kita monitor bahawa tidak berlaku perubahan ataupun pihak kilang dan jentera sendiri yang programkan benda-benda begini supaya bila dia print di atas kertas itu, ini cara delailnya, dia keluarkan coding daripada Kementerian Sumber Manusia. Itu sahaja yang saya maksudkan dari segi penguatkuasaan. Kita ada bukti, walaupun kadang-kadang Pegawai Penguatkuasa kadang-kadang dia datang tiba-tiba kita lihat perubahan penimbangan berlaku dengan segera. Makna kata kita boleh adjust balik. Sekarang ini orang semua cerdik, kita ingat.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang kurang cerdik ialah setengah-setengah kawan saya di sebelah sana termasuk kawan saya wakil dari Bayan Baru yang bercakap fasal memperjuangkan kesatuan sekerja dan sebagainya. Dia tak fikir kalau majikan itu tak boleh bagi kerja, dia hendak perjuang apa? Katalah orang yang diperjuangkan sekarang ini menghadapi tiga buah kilang tutup. Dia hendak bayar gaji pekerjakah? Cuba jawab kepada saya. Ini dia tak pernah fikir, tak pernahpun kesatuan sekerja timbulkan: Kita mesti bertolak ansur dengan kilang ini oleh kerana dia tidak mendapat untung yang banyak, jadi kita terpaksa dapat.....! Tak pernah. Yang itu yang kita minta kesatuan sekerja kaji dan belajar sedikit mengkaji, jangan main pakai hendak macam itu sahaja.

Saya banyak tajuk lain saya hendak bercakap tetapi tapi saya geram Yang Berhormat bercakap atas tajuk yang merebeh-rebeh daripada lama, tajuk cacamerba, cakaplah secara terperinci

dan khusus sedikit. Ini peringkat Jawatankuasa untuk membolehkan kita bincang dengan cara serius. Dengan itu, tajuk saya tak boleh saya bincang. Saya beri secara bersurat, saya harap Yang Berhormat tolong jawab kepada saya, saya pun sudah prepare selama 15 minit untuk dijawab, tetapi pada hari ini saya hendak jawab yang itu dahululah. Yang saya minta Kerajaan teruskan dengan Akta yang ada sekarang iaitu membenarkan kilang-kilang yang dibenarkan untuk mengadakan "in-house union" ataupun kesatuan sekerja dalaman itu diteruskan. Dan saya sendiri pernah pergi ke tiga buah kilang dan saya bertanya ahli-ahli kesatuan. "Kami tak ada apa-apa, tak ada masalah apa, kami lagi seronok in-house ini. Segala kemudahan kami minta: pingpong, tennis, badminton, semua mereka bagi. Yang itu Ahli Jawatankuasa Sekerja, Ahli Parlimen, apa fasal bising-bising." Ini pekerja-pekerja itu bercakap. Yang Berhormat tahukah? Saya bukan duduk sahaja, saya pergi round juga. Mereka sendiri cakap, katanya, apa dia bising-bising, Jadi, rupa-rupanya btl tak ada orang check, bila tak ada orang tolong tengok pergi sama, mereka kata merekalah hero.

Sekarang kita telah buktikan bahawa banyak yang dia cakap itu adalah bohong, tak betul. Saya minta kawan-kawan kita tolong pergi check sama, betulkah atau tidak. Sebenarnya orang-orang yang berkerja di kilang-kilang yang berkenaan amat menyetujui kesatuan sekerja dalaman, in-house union ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, dengan itu kita menyokong dan kita minta Kerajaan teruskan dan kita minta semua kawan-kawan saya di sini,

maklumkan kepada pekerja-pekerja yang sebenarnya champion bukan mereka tetapi Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Batang Sadong.

4.35 ptg,

Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong): Tuan Pengerusi, saya amat kesal dengan sikap yang ditunjukkan oleh Ahli dari Bayan Baru seakan-akan dia hendak makan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, saya tengok. Semalam kita dah tengok, Jelutong hendak makan Menteri Kehakiman sehinggakan dia suruh Setiausaha Parlimen cari di mana Menteri Kehakiman. Jadi, saya amat kesal sekali, oleh kerana apa yang beliau nyatakan tadi adalah semata-mata mengkritik Kerajaan secara tidak berasas. Demikian juga tidak ada cadangan yang bernas yang dikemukakan oleh beliau kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B. 45 Kementerian Sumber Manusia, mukasurat 213, Butiran 040000 di bawah tajuk 050300 Buruh Sarawak, dan Maksud Pembangunan P45, mukasurat 214 di bawah tajuk Institut Latihan Perindustrian, Butiran 00200 hingga ke Butiran 02400 dan saya akan membahaskan mcngenai tajuk-tajuk ini sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya juga terlebih dahulu turut sama dengan Ahli dari Arau dan rakan-rakan yang lain mengalu-alaukan belanjawan Kementerian Sumber Manusia ini.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa kita semua sekarang berada di ambang pintu Wawasan 2020. Sama ada kita suka atau tidak, tahun 2020 itu pasti akan tiba, kecualilah dunia ini kiamat lebih awal daripada itu. Dan kejayaan Wawasan 2020 ini adalah terletak di

bahu kita semua. Inilah satu-satunya cabaran yang amat penting yang kita hadapi sekarang. Di dalam keinginan ataupun kemahuan kita untuk melihat, merealisasikan Wawasan ini, kita mesti ingat kepada keperluan negara untuk mempunyai cukup pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir yang terlatih untuk mengisi ruang yang dicipta akibat daripada proses perindustrian itu kelak.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, sejauh manakah usaha-usaha yang sudah dirangka, sudah digubal, dibuat terutamanya di institut-institut latihan untuk menyediakan tenaga mahir ini? Tidak dapat dinafikan bahawa pendorong utama kepada kejayaan industri berlandaskan minyak, gas, kayu kayan dan sebagainya, ialah tenaga kerja yang mahir yang terdapat di industri-industri yang berkenaan. Kementerian Sumber Manusia perlu mengambil peranan yang lebih agresif dan aktif untuk melatih warganegara Malaysia dengan lebih sophisticated, dengan izin, dan sama taraf yang dimiliki oleh pekerja-pekerja mahir dari luar negara.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, Kerajaan Singapura misalnya telah menjadi penggerak utama dan pelaksana ke arah mengindustrikan Singapura dan pada hari ini kita dapat saksikan ianya mempunyai tenaga mahir sehingga banyak barang keluaran Singapura menembusi pasaran dunia sedangkan Singapura tidak mempunyai hasil bumi di dalam sektor berkenaan.

Soal kekurangan barang-barang mentah tidak menjadi halangan bagi mereka untuk terus maju walaupun terpaksa mengimport bahan-bahan mentah dari luar negeri, apatah lagi dengan Malaysia yang kaya dengan sumber-sumber hasil bumi seperti minyak, kayu kayan, bijih dan sebagainya dan saya percaya dan yakin, jika kita melaksanakan program

tersebut menerusi institut latihan perindustrian dengan penuh dedikasi dan amanah, Wawasan 2020 tidak akan menjadi wawasan nightmare, Tuan Pengerusi.

Satu perkara yang amat ketara yang perlu diberi perhatian dan diambil kira ialah mengenai sikap tenaga buruh kita sendiri dan saya mencadangkan agar ianya diberi penekanan di dalam kurikulum latihan di institut latihan perindustrian di negara ini di samping mempelajari keilmuan mengenai teknologi moden dan canggih, iaitu effect psikologi hasil peninggalan penjajah. Kalau kita masih ingat di waktu penjajah dahulu, orang-orang Melayu dan mungkin orang-orang dari keturunan lain digalakkan oleh Mat Saleh bekerja sebagai seorang kerani atau guru, tidak digalakkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Begitu juga, jika hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri, kita dipersoalkan: Can you do the science stream? You know, not many Malays can do it! Itulah kayu pengukur untuk mengukur kebolehan bumiputera khasnya orang Melayu ketika itu. Kalau kita hendak bekerja di dalam sesuatu bidang yang mempunyai kepakaran khususnya di dalam bidang-bidang pembinaan misalnya, kita akan digelar "kuli", bukan Presiden 46, tetapi kuli....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa rasa int bercakap dasar.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tidak, ini termasuk dalam butiran-butiran tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, cakap dasar.

Tuan Wahab bin Suhaili: Buruh Sarawak. Tuan Pengerusi, sebab itu pemikiran orang Melayu sudah diluted—had been directed towards

kerja Kerani rather than kerja-kerja yang mempunyai kepakaran yang khusus. Ini adalah kesan peninggalan sejarah. Al-hamdulillah kesan-kesan ini sudah beransur hilang terutamanya dengan adanya kesedaran bagi kita semua untuk membangunkan masyarakat kita di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya teringat juga dengan beberapa orang dahulunya bekerja sebagai mandor yang juga menjaga banyak kuli, sekarang sudah menjadi taukeh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya telah kata tadi, itu bercakap dasar. Apa yang kita hendak bahaskan sekarang ini ialah peruntukan untuk tahun hadapan bukan peruntukan yang lama.

Tuan Wabab bin Suhaili: Ini berkenaan dengan institut latihan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan di sini agar Kementerian ini akan terus mengambil langkah-langkah positif ke arah masalah yang saya bangkitkan ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas daya usahanya mengadakan Program Perintis PETRONAS di Kuching Polytechnic untuk melatih masyarakat setempat di bidang petrochem dan gas di mana kita tahu kekurangan tenaga mahir dalam bidang ini amatlah ketara sekali.

Tuan Pengerusi, memandangkan belum wujud lagi institut latihan perindustrian di Sarawak, saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi priority untuk membina sebuah institut latihan tersebut di Sarawak sama ada pada tahun 1992 ataupun pada tahun-tahun yang akan datang untuk melatih pekerja dalam bidang seperti pemprosesan kayu-kayuan dan bidang pembuatan.

Saya penuh yakin ianya akan dapat memenuhi permintaan mengenai tenaga kerja mahir untuk bidang-bidang yang berkaitan terutama sekali dengan bertambahnya secondary and downstream activities, dengan izin, dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia ini berapakah bilangan penuntut-penuntut Sarawak dan Sabah diambil untuk berlatih di institut-institut latihan ini di Semenanjung Malaysia. Jika tidak, adakah Kementerian ini akan mengambil penuntut-penuntut dari Sabah dan Sarawak pada tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya takut dengan adanya jurang perbezaan tentang keadaan masyarakat di Semenanjung dengan yang ada di Sabah dan Sarawak dalam berbagai aspek, masyarakat di sini saya percaya adalah lebih lerpelihara, dengan izin, kalau saya boleh gunakan perkataan "terpelihara", daripada masyarakat di Sabah dan Sarawak. Tambahan lagi, masyarakat di sini sudah seasoned dengan apa yang dikatakan dengan "high-tech" dan canggih itu sedangkan kita di Sarawak ataupun di Sabah baru sahaja mendengar tetapi belum melihatnya. Kita juga mahu melihat integrasi nasional, kemesraan bukan setakat dalam lagu sahaja, malah kemesraan secara menyeluruh terus dipupuk di antara rakyat Semenanjung dengan yang ada di Sabah dan Sarawak terutama di kalangan orang bumiputera sendiri, khasnya orang Melayu kerana kita terasa juga, tercubit peha kanan terasa juga peha kiri. Melalui aktiviti-aktiviti Kementerian ini saya yakin dapat memainkan salah satu peranan untuk mengatasi masalah yang saya bangkitkan tadi.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong Belanjawan bagi Kementerian Sumber Manusia ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sungai Petani.

4.45 ptg.

Cbe Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas tentang Butiran 040000 Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja.

Saya ingin mengalu-alukan langkah dan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia dalam usaha mempertingkatkan taraf hidup pekerja di kalangan para pekerja di ladang-ladang. Hampir 35 tahun negara menghirup udara kemerdekaan walaupun tidak dinafikan ada perbezaan daripada Kerajaan, namun banyak lagi usaha-usaha yang wajar dilakukan.

Saya inginkan penjelasan daripada pihak Kementerian bahawa sejauh manakah Akta Standard Minimum Perumahan 1990 yang digubal untuk menentukan semua ladang mematuhi peraturan minimum penyediaan rumah dan kemudahan asas yang telah berjaya meningkatkan kualiti hidup para pekerja ladang.

Apa yang perlu diberi perhatian ialah kualiti perumahan pekerja, klinik atau hospital yang sempurna, keperluan bekalan air paip dan elektrik daripada sumber TNB serta keperluan persekolahan yang merangsangkan. Kebanyakan ladang-ladang yang terlibat adalah ladang-ladang besar yang berkemampuan untuk menyediakan prasarana ini.

Akta tersebut tidak sewajarnya dianggap sebagai satu bebanan, namun keperluan menyediakan sesuatu tahap hidup yang berkualiti kepada para pekerja estet dan ladang wajarlah dianggap sebagai satu sumbangan kemanusiaan dan sekali gus sebagai imbalan jasa terhadap bertimba-timba

keringat yang telah mereka curahkan untuk menjamin kejayaan korporat mereka sendiri.

Pihak Kementerian perlu pastikan agar majikan memandang berat dan bersungguh-sungguh pula untuk menghormati dasar pembangunan Kerajaan. Pihak Kementerian sewajarnya perlu lebih tegas dalam mengambil tindakan susulan terhadap ladang-ladang yang masih ingkar termasuklah mendakwa di mahkamah.

Adalah amat memilukan kerana setelah hampir 35 tahun negara merdeka, penghuni ladang yang menjadi sumber utama community negara masih menghuni di rumah-rumah usang bekas tinggalan penjajah, masih minum air peri gi yang diragui kebersihannya di samping masih hidup dalam suasana kegelapan.

Beberapa persoalan tentang kualiti kehidupan pekerja ladang masih menghantui kita semua. Sehingga kini sejauh manakah pihak ladang berjaya melaksanakan skim perumahan untuk pekerja-pekerjanya? Dan sejauh manakah skim ini berjaya mengatasi masalah dalatn proses mempertingkatkan kualiti hidup para pekerja ladang? Terdapat pihak ladang yang membiarkan para pekerjanya tinggal di rumah-rumah usang tanpa terdapat sebarang inisiatif untuk membina skim perumahan baru kerana ladang itu akan ditukarkan menjadi projek perumahan yang lebih menguntungkan. Terdapat pihak ladang yang membina rumah murah, yang berharga lebih \$25,000 walaupun di atas tanah miliknya sendiri dengan hasrat untuk meraih keuntungan yang lebih berlipat kali ganda. Dan ini secara tidak langsung akan menyusahkan bakal pembeli sendiri terutama dalam kes-kes pengeluaran wang daripada KWSP.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya sendiri masih lagi terdapat beberapa buah ladang yang belum terbelah,

kehidupan yang terbiar seolah-olah tanpa pembelaan ini amat menyayat hati. Mereka perlukan pembelaan dan bukan sekadar menagih simpati dengan himpunan kata-kata manis di bibir mulut tetapi mereka perlukan tindakan daripada pihak Kementerian dan penguasa ladang untuk mengatasi rentetan masalah yang bertele-tele ini. Setelah puas membanting tulang empat kerat dan setelah bertimba-timba keringat dicurahkan untuk kekayaan majikan serta negara adalah seribu kali malang sekiranya hidup mereka masih di tahap lama.

Saya merayu agar Kerajaan memberi perhatian yang lebih serius dalam konteks menentukan kesejahteraan hidup di ladang-ladang. Ini bukan sahaja dapat menyekat penghijrahan belia-belia ladang ke sektor perindustrian tetapi juga atas dasar pertimbangan kemanusiaan yang hakiki.

Tuan Pengerusi, Butiran 040100—Keselamatan Perindustrian. Saya ingin menyentuh tentang Pertubuhan Keselamatan Pekerja. Dengan aktiviti yang lebih profesional dalam melaksanakan fungsinya, saya berpendapat bahawa SOCSO perlu memberi perhatian yang lebih kepada kesejahteraan tempat bekerja untuk kakitangannya bertugas. Di samping itu, selaras dengan aktiviti SOCSO yang sedang bergerak menuju kepada imej korporat, kakitangan SOCSO perlu wajar disesuaikan dengan beban tugas yang ada. Adalah mustahil misalnya di Sungai Petani sahaja dengan 3 orang pegawai pemeriksa bersama 4 atau 5 orang kerani mampu menangani masalah hampir 160,000 orang pekerja ladang kontrak dan industri. Dengan kekurangan kakitangan ini kerja-kerja pemehksaan dan menguruskan tuntutan untuk pekerja yang membuat tuntutan pasti tidak dapat diup-to-datekan. Selaras dengan imej korporat dan tahap profesionalismanya, SOCSO juga wajar mempertimbangkan saranan

untuk menubuhkan pejabat-pejabat wilayah yang boleh menyelaraskan tugas-tugas pejabat pada tahap daerah. Ini amat penting memandangkan tugas-tugas SOCSO yang kian bertambah. Jika KWSP boleh melaksanakan ini semua, maka tidak mungkin SOCSO juga dapat mengambil tindakan yang sama. Selepas itu tahap atau skill pegawai-pegawai yang mengetuai pejabat-pejabat di peringkat daerah dan wilayah juga boleh dikaji agar dapat menepati imej profesional serta korporat SOCSO itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya pohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

5.02 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Butiran 010000 Pengurusan Kementerian, Program 010200 Perancangan Pembangunan dan Penyelidikan. Aktiviti ini bertanggungjawab untuk menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai pelbagai isu berkaitan dengan perancangan tenaga manusia yang merupakan satu bidang yang penting di dalam sumber manusia. Jumlah peruntukan ialah \$1,215,300 dan bilangan jawatan dijangka meningkat daripada 40 kepada 43 iaitu menurut mukasurat 1661 dan 1662 Kertas Perintah 20 Tahun 1991, satu jawatan tambahan bagi Juru Analisa Sistem Tingkatan Biasa, satu jawatan tambahan bagi Pengatur Program Komputer dan satu lagi jawatan Jurutaip. Jika ini boleh ditanggap sebagai tanda peningkatan dalam aktiviti penyelidikan, khususnya pengumpulan dan pengaturan maklumat, kami ingin tahu apakah sebab-sebab di belakang tambahan aktiviti terutama sekali kandungan kajian selidik yang dirancang bagi tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, seterusnya kami ingin tahu langkah-langkah arau kajian yang sedang dan akan dibuat oleh Kerajaan untuk mencari penyelesaian jangka panjang kepada masalah kekurangan buruh di sektor-sektor pertanian, terutama sekali perladangan dan pembinaan. Walaupun ada kenyataan akhbar mengenai buruh asing dan sebagainya, di bawah operasi terbaru untuk mendaftarkan pekerja asing yang bekerja secara haram di sektor ladang, pembinaan dan pembantu rumah, masalah ataupun ancaman kekurangan tenaga kerja timbul lagi di sektor perladangan di mana para majikan melahirkan kebimbangan pekerja asing akan berpindah ke sektor pembinaan kerana tingkat gaji yang lebih tinggi. Ini akan merupakan salah satu lagi masalah kekurangan buruh di negara ini. Jika Kementerian memperluaskan kebenaran kepada sektor pembuatan sepertimana telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 17 Oktober tahun ini, masalah kekurangan tenaga kerja akan bertambah tenat lagi. Menurut Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi pada 16 Oktober tahun ini, industri tempatan perlu:

- (i) beralih kepada industri yang kurang gunatenaga kerja (value added dan labour saving industri) kerana kekurangan buruh;
- (ii) melabur ke dalam mesin bagi industri-industri yang giat menggunakan tenaga kerja; dan
- (iii) pengembangan sementara bekalan buruh dengan pengeluaran permit kerja kepada pekerja asing.

Di samping itu, kami juga sedar akan rancangan Kerajaan menubuh satu tabung yang menghendaki para majikan menyumbang 1% daripada tanggungan gaji tahunan masing-masing untuk membiayai kos latihan pekerja. Jadi

kalau kita berusaha untuk melatih pekerja sendiri, itu satu usaha ke arah yang betul. Pada hemat kami persoalan asas bagi kekurangan tenaga kerja tempatan bukan semata-mata kerana perkembangan ekonomi sahaja, akan tetapi juga kerana tingkat gaji serta kelebihan-kelebihan yang ditawarkan oleh majikan kepada pekerja. Buktinya sektor perladangan masih merupakan salah satu yang menghadapi kekurangan buruh yang serius. Kalau bukan sektor yang menawar pampasan paling rendah sekali dalam ekonomi negara, ia merupakan satu sektor dengan gaji yang paling rendah.

Tuan Pengerusi, maka lidak menghairankan apabila pendaftaran pekerja asing dimulakan, majikan di kawasan perladangan bertambah resah. Di samping itu, bagi sektor pembuatan kalaulah dikatakan para pekerja tempatan tidak berminat langsung pun tidak tepat kerana jika ini satu kenyataan, mengapa pula negara Taiwan berdaya memperolehi kira-kira 15,000 orang pekerja dari Malaysia, Filipina, Thailand dan Indonesia yang bekerja dalam industri-industri tekstil, logam asas, pembuatan logam, mesin, elektronik, pembinaan dan dalam 14 projek Kerajaan, Iebuhraya, pelabuhan dan terminal kargo pengkalan. Menurut satu laporan pada 23 Noveraber tahun ini, 8,000 orang pekerja Malaysia mungkin diupahkan untuk mengisi 15,000 kekosongan di Taiwan dan rakyat Malaysialah terpilih kerana bahasa, budaya yang sama serta kerajinan mereka. Kita kekurangan pekerja di sini, tetapi yang banyak itu berhijrah ke negara yang lain. Itulah hakikatnya.

Kesediaan pekerja tempatan mencari rezki di luar negara terbukti bahawa faktor-faktor gaji dan mungkin juga peluang latihan adalah faktor-faktor utama sekali. Maka Kerajaan harus memberi perhatian serius kepada faktor-faktor ini kerana selagi mereka tidak diatasi, masalah kekurangan

tenaga kerja boleh berulang, malah bertambah mudarat apabila perkembangan dalam teknologi pembuatan membawa kepada lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi mungkin terpaksa mencari makan di luar negara dan kepakaran sukar sekali diganti di negara ini.

Seterusnya saya berharap Kementerian mengambil perhatian terhadap kritikan Penasihat ILO mengenai masalah ini, J.B. Celestine dalam kertas kerja beliau mengenai pengumpulan serta penganalisaan maklumat pekerja pada 20 November tahun lalu. Mengikut J.B. Celestine, hubungan (link) yang paling lemah dalam sistem maklumat buruh negara adalah penekanan keterlaluan ke atas statistik pengangguran sebagai tanda asas kepada ketidakseimbangan dalam pasaran buruh. Kononnya statistik pengangguran tidaklah tepat dan kurang berkesan dalam pengukuran ataupun pengawalseliaan perubahan dalam pasaran buruh mahupun penyesuaian yang berlaku, terutama sekali semasa turun-naiknya pertumbuhan ekonomi.

Tuan Pengerusi, selain dari itu data yang disediakan tidak mempunyai kesinambungan (continuous), maka tidak membenarkan analisa trend dibuat. Masalah ini bertambah tenat apabila liputan maklumat buruh Kerajaan bertukar-tukar dari setahun ke setahun dan juga di segi konsep dan klasifikasi. Maklumat yang dibekalkan juga terlalu aggregate dan kurang maklumat tempatan, khususnya yang menggambarkan imigrasi, pengangguran dan multiple job-holding, dengan izin.

Apakah usaha-usaha Kerajaan ke arah menyelesaikan kelemahan-kelemahan ini dalam pengumpulan serta penganalisaan maklumat buruh dalam negara. Kalau kita tidak dapat membuat penganalisaan ke atas maklumat-maklumat dan statistik-

statistik yang membayangkan keadaan yang sebenar, kita tidak dapat menyelesaikan masalah.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000—Kemajuan Gunatenaga Rakyat, Program 020200—Perkhidmatan Latihan.

Kesemuanya \$24.892 juta disediakan bagi perbelanjaan tahun 1992. Jumlah jawatan bertambah daripada 876 orang pada tahun 1991 kepada 881 orang. Setelah diteliti mukasurat-mukasurat 1663 hingga 1672. Kertas Perintah 20 Tahun 1991, diperhatikan terdapat 12 jawatan baru ditambahkan, iaitu Penolong Pengarah Jurutera Sementara; seorang Ketua Pengajar Ketukangan Gred 1; 2 orang Pengajar Kanan Ketukangan Gred 1; 2 orang Kerani; 2 orang Penyelenggara Setor; dan 4 orang Pemandu. Manakala jawatan yang dimansuhkan adalah 4 orang Tukang K2; 2 orang Jaga; dan seorang Pemandu.

Bolehkah pihak Kementerian menerangkan fungsi Penolong Pengarah Jurutera? Mengapakah jawatan ini hanya sementara sahaja bagi tempoh 4 tahun? Maksud saya "sementara untuk 4 tahun". Kalau 4 tahun pun sementara, apakah pula untuk satu dua tahun atau dua hari? Jadi, istilah "sementara" ini adalah sangat tidak memuaskan. Jika diperhatikan pula mukasurat 443, Kertas Perintah 19 Tahun 1991, bilangan pendaftaran serta keluaran pelatih di ILP serta CIAST bagi tahun 1990 gagal mencapai sasarannya pada tahun berkenaan. Buktinya dalam Belanjawan 1991, prestasi bagi tahun 1990 menunjukkan seramai 4,057 pelatih didaftar di ILP (Institut Latihan Perindustrian) dan 1,361 orang dan 2,083 orang keluaran pelatih masing-masing bagi ILP dan CIAST, iaitu Pusat Latihan Kemahiran Peringkat Tinggi. Tetapi pencapaian sebenarnya ialah bilangan pendaftaran pelatih di ILP 3,744 orang, pengeluaran pelatih

dari ILP dan CIAST masing-masing 1,292 dan 1,101 orang. Apakah penjelasan pihak Kementerian terutama sekali prestasi keluaran pelatih dari CIAST yang hanya 53% daripada sasaran yang ditetapkan.

Setakat ini apakah statistik sebenar gaji tahun semasa; apakah faktor-faktor ataupun andaian Kerajaan menetapkan sasaran yang begitu tinggi. Jadi, tidak sampai 50% sahaja sasarannya, apakah sebabnya kelemahan seperti ini? Jadi, kita tetapkan begitu tinggi dan kita tidak mampu untuk mencapai sasaran.

Butiran 030000 Keharmonian Perhubungan Perusahaan, Program 030200—Pendamaian. Jumlah per-untungan \$2,399,300.

Diperhatikan daripada mukasurat 445, Kertas Perintah 19 Tahun 1991, bilangan mesyuarat perundingan damai pertikaian perusahaan adalah 5,968 dalam tahun 1990 berbanding dengan bilangan kes yang diterima pada tahun sebelumnya iaitu 908 kes; yang dikendalikan sebanyak 734 kes. Berapakah kes yang sebenarnya diterima dan diuruskan oleh Kementerian dalam tahun 1990?

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, begitu juga kami berminat mengetahui bilangan kes yang diterima dan kemudiannya dikendalikan oleh Kementerian dalam rundingan damai kes-kes buang kerja pada tahun 1990 berbanding 3,983 kes diterima dan kemudian ia mengendalikannya 2,983 kes pada tahun 1989. Apakah pula bilangan kes pertikaian perusahaan dan kes pembuangan kerja yang dihadapkan ke Mahkamah pada tahun 1990 berbanding dengan tahun 1989 masing-masing 77 dan 787 kes. Kononnya, Ketua Pengarah Kementerian Sumber Manusia mengatakan bahawa bilangan aduan yang dihadapkan ke Mahkamah

telah menurun daripada 6,560 dalam tahun 1986 kepada 4,204. Aduan mengenai kegagalan membayar faedah berkanun, ketidakadilan majikan, pelanggaran dasar Kerajaan, adat tempatan dan prinsip keagamaan pekerja telah menurun semenjak tahun 1986 daripada 4,584 kes kepada 3,343 kes dalam tahun lepas.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Sudah cukup? Kalaulah kes-kes ini terletak di bawah kategori pertikaian perusahaan, bukankah ia bermakna sebenarnya penambahan dalam kes-kes begini berlaku di antara tahun 1989 dengan tahun 1990?

Saya mempunyai banyak perkara lagi, Tuan Pengerusi, kerana masa yang sangat singkat, walau bagaimanapun, perkara-perkara yang telah saya bangkitkan tadi terutamanya mengenai maklumat dan statistik sumber manusia, pekerja buruh dan kekurangan buruh di negara ini dan juga masalah latihan yang menetapkan sasaran yang tinggi, tetapi tidak mencapai 60%, cuma 53% sahaja terutama di CIAST. Itulah satu kelemahan yang sangat ketara dan saya berharap pihak Kementerian Sumber Manusia dapat menyelesaikan masalah-masalah yang telah saya timbulkan. Sekian, lerima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lular. Selepas ini Kementerian menjawab.

5.18 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lular): Terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk terlibat dalam perbincangan Maksud Bekalan 45, Kementerian Sumber Manusia.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, biarlah saya merujuk kepada Butiran 010000 di bawah Program 010200 Perancangan, Pembangunan dan Penyelidikan.

Saya ingin menyentuh sepintas lalu sebagaitnana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi berhubung dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kesatuan sekerja. Dalam sejarah Malaysia, beberapa perkara yang boleh mengugutkan kedudukan negara; yang pertama sekali ialah berlaku communist insurgency ataupun darurat. Kedua, pemimpin-pemimpin kesatuan buruh pula membawa perjuangan mereka bukan di dalam negeri ini, tetapi dibawa ke luar negeri hingga hampir negara kita ditekan dari segi perdagangan dengan penarikan GSP. Tetapi alhamdulillah, ini telah dapat diatasi dengan kegigihan Kementerian dan pihak Kerajaan.

Ini saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia. Tetapi, sepatutnya pula pihak pemimpin buruh yang ada di negara ini sebelum mereka memperjuangkan perjuangan mereka ke luar negeri, sebelum mereka membawa perkara-perkara ini ke negara Barat, pertimbangkan dahulu dan bayangkanlah kalau GSP ditarik balik. Bayangkanlah keadaan kalau syarikat-syarikat yang ada di Malaysia ini digulung ataupun bankrap. Bayangkanlah kalau syarikat-syarikat ini tidak dapat berkembang maju dan tidak dapat membuka perdagangan mereka dan mengambil buruh-buruh daripada negara ini. Dengan sendirinya perjuangan mereka itu adalah perjuangan yang lidak bermakna sama sekali.

Dengan tujuan yang baik dalam sangkaan mereka, tetapi telah mendatangkan kemudaratan yang hebat sekali, penekanan yang tidak dapat dielak kepada buruh di negara ini. Jadi,

saya mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengadakan satu dialog memberi pengajaran kepada pihak-pihak pemimpin buruh supaya perjuangan mereka menuju ke arah prospektif yang betul atau proper prospective Jangan perjuangan untuk membinasakan negara ini, jangan memperjuangkan satu perkara yang sampingannya akan mendatangkan binasa kepada orang yang kita hendak perjuangkan itu.

Jadi, daripada situ saya berpindah ke tempat lain, kalau saya panjang cerita jangan nanti terkeluar daripada tajuk.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh dalam Butiran 040000—Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja, di bawah Butiran 040100 Keselamatan Perindustrian.

Saya bercakap di bawah tajuk ini dan ingin menyentuh satu perkara. Saya ingin membawa Dewan ini ke kawasan Sarawak di dalam industri pembalakan.

Dalarn beberapa lahun yang lepas ramai orang tercedera bahkan terkorban dalam kerja pembalakan, tetapi itu bukanlah kesalahan sesiapa, bukan kesalahan Kerajaan, bukan kesalahan Kementerian. Walaupun tunjukajar diberi, nasihat diberi, tecapi sudah perangai yang telah 'born' dengan izin, yang lahir pada manusia ini, dengan masyarakat yang bekerja di industri pembalakan ini, yang tidak mendengar nasihat keselamatan, jika mereka menjalankan pekerjaan sebagaimana yang difikirkan oleh mereka baik dan patut serta tidak terkongkong dengan syarat-syarat, tidak terkongkong dengan nasihat-nasihat yang telah diberikan. Tetapi berbangkit daripada itu berlakulah kemalangan, berlakulah kematian. Ini sangatlah menyedihkan kerana kehilangan gunatenaga yang begitu dipentingkan, yang begitu berguna.

Sislem dalam menggunakan buruh di industri pembalakan di hutan Sarawak ialah begini, apabila satu syarikat hendak memotong balak di hutan-belantara, dipanggil seorang ketua untuk mencari buruh. Kemudian, buruh diambil dari tiap-tiap kampung dan ketua membawa buruh itu ke kem pembalakan, lalu pembalakan terus dijalankan. Jadi, apabila berlaku kecederaan ataupun kematian, tuntutan akan dibuat di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952, tetapi tuntutan di bawah Akta ini hanya memberi pampasan maksimum yang tidak melebihi \$14,000—kalau tidak salah saya. Kalau salah, minta tolong Yang Berhormat Menteri memberi pembedaan nanti, kalau tidak salah saya \$14,000 sahaja dan angka ini telah ditetapkan beberapa tahun yang lalu, bahkan 10 tahun yang lalu.

Dalam keadaan Ekonomi sekarang dan dengan kenaikan harga barang-barang sekarang, \$14,000 ini tidak patut lagi. Jadi terdapatlah penilaian yang diberi oleh pihak Pegawai Buruh di mana tuntutan itu dibuat, pampasannya tidak begitu memuaskan. Umpamanya, seorang buruh kasar yang bekerja sebagai pembalak mendapat cedera patah di kaki atau di tangan, tidak mampu bekerja sebagai buruh lagi. Dia tidak ada kemampuan hendak jadi kerani, hendak jadi lawyer, hendak jadi doktor, hendak jadi arkitek kerana kekurangan pendidikan. Jadi kemampuan mereka ialah mejadi buruh kasar sahaja, tetapi oleh kerana kecederaan tadi, tidak boleh jadi bumh kasar lagi. Apabila penilaian dibuat untuk gantirugi pampasan, penilaian tidak diberi langsung atas keupayaan manusia ini menjalankan kehidupannya di masa akan datang, ataupun memberi kehidupan yang selesa baginya untuk hari yang akan datang.

Sekarang ini saya boleh memberi satu example, dengan izin, yang baru berlaku. Seorang pemuda telah datang menemui saya, beliau patah di kaki,

sekarang tidak boleh jadi buruh lagi, pampasan yang diberi ialah \$2,000 lebih sahaja. Pampasan \$2,000 lebih diberi pada pemuda yang berumur 30 tahun dan mempunyai isteri, jadi bagaimana hendak hidup, dia tidak boleh kerja kasar lagi. Pampasan ini ditentukan di antara doktor dan Pegawai Buruh yang berkenaan. Jadi, ini sangat-sangatlah menyedihkan, sudahlah tidak dapat bekerja buruh lagi, mendapat pampasan yang begitu kecil sekali tidak seimbang dengan kecederaan yang telah dialami dalam menjalankan tugas. Jadi dengan sendirinya kita dapati Akta Pampasan Pekerja 1952 tidak memberikan manfaat yang sepatutnya diterima oleh buruh ini.

Saya bercadang kepada pihak Kementerian supaya:

Yang pertama, mengkaji semula Undang-undang Akta Pampasan Pekerja 1952 ini dengan harapan boleh dinaikkan pampasan atau gantirugi kepada buruh-buruh yang tercedera ataupun meninggal dunia; dan

Kedua, Pegawai Buruh yang menjadi penilai pampasan sepatutnya mempunyai pengalaman yang luas sebagaimana penilaian dibuat selaras dengan undang-undang negara yang ada pada masa sekarang yang dipraktis oleh mahkamah-mahkamah di negara kita.

Dengan itu nanti harapan kita supaya buruh yang cedera, buruh yang meninggal dunia, keluarganya dapatlah pembelaan daripada pihak Kerajaan supaya negara kita jangan ketinggalan daripada pembelaan ini dan supaya jangan pula pihak Pembangkang membawa perkara ini ke United Nations pula. Ini adalah perkara yang boleh diselesaikan di negara kita sendiri, tidak payah di bawa ke United Nations, tidak payah dibawa ke Amerika, tidak payah minta pihak Amerika tarik balik GSP. Jadi inilah

cadangan saya dengan ikhlas supaya Kementerian mengambil tindakan, supaya jangan dipergunakan pihak-pihak yang belum tahu apa maknanya perjuangan untuk negara mereka sendiri.

Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

5.18 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan buah fikiran serta teguran-teguran dalam perbahasan Belanjawan tahun 1992 yang menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap adalah dari Bayan Baru, Arau, Batang Sadong, Sungai Petani, Keping dan Batang Lupar.

Menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Bayan Lepas dengan soalan Menteri Sumber Manusia bersikap kapitalis dan tidak meningkatkan kebajikan pekerja, ini adalah tuduhan yang biasa dari orang politik dalam DAP. Tuduhan Ahli Yang Berhormat tersebut adalah tidak berasas sama sekali.

Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan Kementerian Sumber Manusia sentiasa memelihara kepentingan dan kebajikan para pekerja termasuklah mereka yang tidak berkesatuan. Isu-isu penting dalam hal ehwal perburuhan sentiasa dibincangkan dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan iaitu sebuah "badan yang ketiga pihak" di mana pandangan-

pandangan yang membina dan positif daripada wakil pekerja adalah diterima dan diberi pertimbangan yang sewajarnya sebelum sesuatu dasar digubal oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bayan Baru pun ada menyebutkan mengenai pekerja asing di Malaysia. Satu isu yang paling hebat diperbahaskan pada masa kini ialah mengenai pekerja asing di negara kita.

Kita bersyukur kepada Tuhan sebab dalam masalah mencari pekerjaan untuk rakyat, kepesatan ekonomi telah menukar keadaan di mana kita mengalami kekurangan tenaga pekerja. Pada hakikatnya tiada sesiapa pun yang mengetahui tentang bilangan sebenar pekerja asing di negara kita memandangkan ramai daripada mereka masuk ke negara ini secara tanpa izin.

Di Dewan yang mulia ini pada 29.11.1991 Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah memaklumkan bahawa jumlah pekerja asing yang telah dibenarkan bekerja di negeri ini sehingga Oktober 1991 adalah seramai 28,612 orang.

Sepertimana yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri sehingga hari ini belum ada siapa pun di negara kita ini yang boleh dapat memberitahu berapakah bilangan rakyat tanpa izin yang datang ke negara kita. Kementerian Sumber Manusia yakin bilangan sebenar pekerja asing di negara ini akan diketahui dengan lebih tepat dengan tindakan Kerajaan sekarang untuk memutihkannya mereka yang telah memasuki di negara tanpa izin untuk bekerja di sektor-sektor ekonomi yang mengalami kekurangan pekerja yang serius....

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bayan Baru bangun.

Dato' M. Mahalingam: Tidak beri.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak beri jalan.

Dato' M. Mahalingam): Tidak. Yang Berhormat tidak beri jalan kepada Yang Berhormat dari Arau, saya pun tidak mahu berikan. Masa pun tidak cukup.

Iaitu sektor perladangan dan pembinaan serta sebagai Pembantu Rumah. Proses pendaftaran di Jabatan Imijeresen, proses pemutihan ini tidak melibatkan sektor ekonomi lain. Oleh itu, bagi sektor pembuatan permohonan untuk mendapat pekerja asing hanya akan dibenarkan secara selektif bagi pekerja-pekerja mahir, separuh mahir, teknikal dan profesional mengikut merit satu-satu kes dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Dalam konteks ini, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pengkajian Pekerja Asing bagi menimbang dan menentukan keperluan pekerja asing yang diperlukan. Jawatankuasa ini akan dibantukan oleh Jawatankuasa Prosesan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat. Majikan akan diperlukan memberi kepada pekerja asing yang sah, gaji dan kemudahan pekerjaan yang sama diterima oleh rakyat tempatan. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat akan membuat kajian selidik khususnya untuk mendapat maklumat tentang kekurangan pekerja yang dialami oleh perkhidmatan restoran, hotel dan sektor pembuatan. Maklumat yang diperolehi daripada kajian selidik ini boleh membantu Kerajaan menggubal strategi tertentu.

Menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru, penubuhan kesatuan sekerja pekerja-pekerja elektronik ataupun In-house Union. Berkenaan dengan penubuhan kesatuan sekerja bagi pekerja-pekerja elektronik ingin saya jelaskan dasar Kerajaan terhadap sektor ini. Yang Berhormat dari Bayan Baru pun ada sebut perkara-perkara tersebut tahun lalu—serupa. Ini adalah menjadi dasar dan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan dan perkembangan kesatuan sekerja yang sihat, bertanggungjawab dan demokratik, demi kepentingan pekerja-pekerja, majikan-majikan dan negara. Kesatuan sekerja diharapkan memainkan peranan yang positif dalam usaha Kerajaan untuk mewujudkan serta menggalakkan suasana yang baik bagi mempercepatkan pembangunan sosio-ekonomi negara di samping berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat pekerjaan bagi pekerja-pekerja dan meningkatkan lagi taraf ekonomi dan sosial mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hanya 17% pekerja negara kita yang menjadi ahli kesatuan sekerja. Kerajaan tidak menghalang pekerja-pekerja yang masih belum menjadi ahli untuk menyertai ahli mana-mana kesatuan sekerja. Bahkan Kerajaan mempunyai tanggungjawab pada golongan pekerja yang tidak menganggotai sebarang kesatuan sekerja. Kesatuan sekerja yang menjadi hasrat Kerajaan adalah kesatuan yang benar-benar memberi manfaat kepada kaum pekerja dan negara, dan bukannya kesatuan yang hanya diperalatkan oleh orang tertentu untuk kepentingan peribadi, sama ada kepentingan politik mahupun kewangan. Kesatuan sekerja sebenarnya mestilah memahami keadaan kewangan tiap-tiap syarikat supaya ianya tidak mengemukakan permintaan yang berlebihan dan akhirnya akan menjejaskan kedudukan

syarikat tersebut. Maka dengan prinsip inilah Kerajaan menggalakkan penubuhan Kesatuan Sekerja In-house Union.

Mengenai isu penubuhan kesatuan kebangsaan bagi seramai lebih kurang 120,000 orang pekerja dalam perusahaan elektronik di negara ini, sejauhmana yang Kerajaan ketahui isu ini hanya dibangkitkan oleh MTUC sahaja. Pada pendapat Kerajaan, memandangkan kepentingan sosio-ekonomi negara dan kepentingan pekerja-pekerja elektronik sendiri kesatuan dalaman adalah memadai buat masa sekarang. Perlu ditegaskan bahawa dari segi undang-undang kesatuan dalaman menikmati segala hak perlindungan dinamik yang dinikmati oleh Kesatuan Kebangsaan. Rekod-rekod telah menunjukkan bahawa ada kesatuan dalaman representation standing atau lebih baik dari kesatuan kebangsaan. Contohnya ialah Rothman Employers Union dan Proton Employers, dengan izin. Sebaliknya ada kesatuan kebangsaan tidak berfungsi dengan memuaskan kerana pemimpin-pemimpinnya tidak berkebolehan dan akhirnya perlu dibatalkan. Dua kes seumpama ini ialah Cinema and Adjustment Workers Union dan Race Course General Employers Union.

Menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru, pekerja asing bersaing dengan pekerja tempatan mengancam kedudukan pekerja tempatan. Saya suka menjelaskan sekali lagi bahawa dasar membenarkan pengambilan pekerja asing bukan bertujuan bersaing dengan pekerja tempatan. Sebaliknya ini hanya dibenarkan dalam keadaan di mana majikan tidak dapat mengisi kekosongan jawatan dengan pekerja tempatan. Sebelum permohonan seseorang majikan dipertimbangkan, ia dikehendaki menunjukkan bukti bahawa ia telah berusaha untuk mengambil pekerja tempatan, tetapi gagal. Di samping itu,

majikan adalah disyaratkan untuk menawarkan gaji dan lain-lain syarat sepertimana yang dinikmati oleh pekerja-pekerja tempatan.

Menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru mengenai soal-soal tentang Dasar Buruh Negara. Dasar Buruh Negara telah dibincangkan di peringkat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan sedang ditimbang oleh Kerajaan.

Menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru mengenai perkara Dasar Upah Minimum. Saya pernah menjelaskan perkara ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini pada masa yang lepas. Saya tidak bercadang menambah penjelasan-penjelasan yang telah diberikan pada masa yang lepas.

Menjawab Yang Berhormat dari Bayan Baru berkenaan dengan Mahkamah Perusahaan. Berkenaan dengan kelambatan perbicaraan kes-kes pertikaian yang dirujuk untuk penimbangan Mahkamah Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia mengetahui memang ada terdapat sedikit kelewatan dalam pembicaraan kes-kes yang dirujuk. Kelewatan ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

- (i) peguam-peguam bagi pekerja atau kesatuan sekerja dan majikan minta penangguhan kes-kes pada saat akhir kerana mereka terlibat dalam perbicaraan kes di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung. Mahkamah Perusahaan hanya membenarkan penangguhan perbicaraan kes dengan sebab-sebab yang munasabah sahaja.
- (ii) pertambahan bersih kes-kes ada antara 15 hingga 20 kes sebulan.
- (iii) kes-kes yang dibicarakan terutama sekali kes-kes penguasaan kerja memerlukan siasatan yang lebih teliti

dan proses ini memakan masa yang lebih lama untuk dibicarakan.

- (iv) bilangan pengerusi iaitu lima orang tidak berlambah sejak tahun 1980, tetapi bilangan kes-kes dirujuk telah meningkat dari 197 dalam tahun 1980, 454 dalam tahun 1990.

Pertambahan sebanyak 130% bilangan kakitangan juga tidak bertambah sejak tahun 1980.

Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada Yang Berhormat Bayan Baru supaya janganlah sentiasa mencari salah ke atas Mahkamah Perusahaan. Sebaliknya kita tidak harus lupa bahawa Mahkamah Perusahaan telah memainkan peranan yang berkesan dan menyelesaikan 409 kes dalam tahun 1990 dan setakat bulan November tahun ini, sebanyak 441 kes telah diselesaikan.

Peningkatan prestasi ini dicapai sungguhpun Mahkamah Perusahaan menjalankan tugas dalam keadaan di mana terdapat banyak limitasi. Sesekali kita harus juga melihat performancenya dari sudut positif, jangan hanya memandangi dari sudut negatif sahaja. Kadangkala saya tertanya kepada diri sendiri, adakah kebudayaan DAP hanya untuk mencari salah sahaja?

Tuan Pengerusi, untuk meningkatkan prestasi Mahkamah Perusahaan dan menggalakkan kelewatan perbicaraan kes, langkah-langkah yang sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) membenarkan prosedur baru supaya pihak-pihak yang bertikai boleh mengemukakan keterangan-keterangan saksi melalui kenyataan bersumpah ataupun kemukakan, dengan izin, agreed bundle of documents or statements

supaya masa perbicaraan boleh dikurangkan;

- (ii) menempatkan seorang Pengerusi di Pulau Pinang bagi membicarakan kes-kes untuk kawasan utara Semenanjung Malaysia pada tahun 1992 dan rancangan untuk menambahkan dua orang Pengerusi dan kakitangan untuk Mahkamah di Kuala Lumpur dalam tahun 1993;
- (iii) permintaan daripada peguam-peguam untuk menagguhkan kes tidak akan dibenarkan melainkan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Mahkamah;
- (iv) Jawatankuasa Teknik Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan atau MLAC sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan sebuah Mahkamah Rayuan dengan kuasa setaraf dengan Mahkamah Tinggi, dengan izin, coordinated jurisdiction with the High Court untuk membicarakan semua kes-kes rayuan dari Mahkamah Perusahaan supaya kes-kes dibicarakan dan diputuskan dengan lebih awal.

Menjawab soalan Yang Berhormat dari Arau berkaitan dengan komputer di kilang-kilang padi, untuk makluman Yang Berhormat dari Arau, soal komputer yang dipasang di kilang-kilang padi atau kilang-kilang yang lain bukanlah di bawah bidang kuasa Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia. Perkara yang berkaitan dengan timbang adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menjawab soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani mengenai kemajuan Skim Pemilikan Perumahan Pekerja. Sejak skim ini dilancarkan pada tahun

1973, sambutan yang diterima daripada para majikan estet adalah tidak begitu menggalakkan. Setakat ini, sebanyak 17 buah estet dan dua buah lombong telah sempurna melaksanakan Skim Perumahan di mana sebanyak 7,332 unit rumah telah siap dibina. Sebanyak 1,741 unit rumah sedang dalam peringkat pembinaan.

Untuk bergiat dan mempercepatkan pelaksanaan Skim ini, beberapa tindakan seperti berikut telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia:

- (i) satu Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan mengenai Skim Pemilikan Rumah dan persediaan kemudahan-kemudahan asas bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong yang dianggotai oleh wakil dari Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan yang berkenaan serta wakil dari organisasi-organisasi, majikan dan pekerja telah ditubuhkan untuk membuat dasar dan keputusan muktamad bagi dilaksanakan;
- (ii) di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan tersebut, satu Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan ditubuhkan dengan ahli-ahli yang dianggotai oleh wakil dari Kerajaan-kerajaan Tempatan, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan serta wakil dari pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja untuk melaksanakan segala dasar dan keputusan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan tersebut supaya pelaksanaan skim-skim dapat dijalankan dengan lancar dan teratur;
- (iii) pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh sentiasa mengikuti

perkembangan dalam pelaksanaan skim ini oleh majikan-majikan serta memberi bantuan dan khidmat nasihat yang diperlukan di samping mengesan majikan pemilik-pemilik ladang untuk menyertai skim ini sebagai langkah jangka panjang mengatasi masalah yang meruncing iaitu penghijrahan tenaga kerja di ladang-ladang.

Menjawab soalan Yang Berhormat Kepong, iaitu kajian yang dilaksanakan untuk -menyelesaikan kekurangan pekerja. Kekurangan pekerja boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pekerja mahir, separuh mahir dan tidak mahir. Hasil dari kajian yang dijalankan, beberapa langkah telah diambil iaitu:

- (i) mengemaskinikan kurikulum latihan supaya mengurangkan ketidakseimbangan di antara permintaan kemahiran dan penawaran;
- (ii) menawarkan kursus baru seperti dalam bidang elektronik, perindustrian dan pembuatan bagi menampung keperluan industri-industri;
- (iii) mencadangkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia pada tahun hadapan supaya kemahiran pekerja-pekerja dapat ditingkatkan dalam mempermudah pertumbuhan proses pengeluaran daripada satu proses yang berinsentif buruh kepada satu proses yang berinsentif model dan menggunakan teknologi yang tinggi;
- (iv) membenarkan pengambilan pekerja asing sebagai sementara sahaja.

Ini adalah langkah-langkah yang diambil hasil dari kajian yang dijalankan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan tentang Belanjawan Kementerian Sumber Manusia dan semua cadangan yang membina dan telah dicadangkan akan dikaji dan diberi perhatian. Yang mana sesuai akan dilaksanakan mengikut keadaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$73,481,400 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$73,481,400 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$18,382,110 yang disebutkan untuk Maksud P.45 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$18,382,110 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.46 (Jadual)—
Maksud P.46 (Anggaran Pembangunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.46 dan Kepala

Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

5.47ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut dengan ringkas mengenai Maksud Butiran B.46, Butiran 020000 Kawalan dan Pemeliharaan Kualiti Alam Sekitar, sekaligus dengan P.46 Butiran 00500 Kemajuan Kawalan Alam Sekitar dan Maksud B.46, Butiran 070000 Lembaga Pelesenan Tenaga Atom.

Dengan ringkasnya, Tuan Pengerusi, pada hari ini masalah alam sekitar adalah satu masalah yang paling dominan di seluruh negara dan masalah ini amat dirasai kesannya di sejangkit luasnya. Masyarakat kita di mana-mana sahaja sekarang ini telah membincangkan masalah kesan-kesan green house sewaktu saya bersama Tuan Pengerusi, baru-baru ini dihantar untuk menghadiri satu persidangan Commonwealth Parliamentary Union (CPA) di New Zealand, kita telah mendengar bagaimanakah setengah-setengah Kerajaan pulau yang kecil-kecil akan hilang oleh kerana kesan pendidihan air laut kesan daripada green house. Saya juga telah diberitahu dalam beberapa taklimat di negeri Johor, beberapa bandar di kawasan pantai Barat negeri Johor seperti di Muar dan sebahagian daripada bandar Penggaram akan hilang dijangkakan oleh kerana kesan green house.

Kita juga telah diberi ilmu ataupun being educated, dengan izin, menerusi Minggu Alam Sekitar baru-baru ini tentang bagaimanakah ozone layer akan menjadi nipis dan apakah kesannya kepada kita.

Kita telah diserang oleh jerebu beberapa minggu. Kita sering dihujani di dalam Dewan ini dengan persoalan-persoalan mengenai masalah toksid, mengenai masalah-masalah pembuangan sisa-sisa yang merbahaya. Kita diberitahu dan mendapat tahu mengenai keadaan beberapa bandar sekarang ini sedang dicemari airnya oleh kerana masalah kilang-kilang yang tidak mengambil berat mengenai kawalan pencemaran. Kita juga mendapat tahu mengenai noise pollution yang semakin mengancam dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, masalah-masalah persekitaran dan pemeliharaan alam sekitar adalah satu masalah nasional yang harus kita selaraskan dengan perkembangannya secara sejagat. Dalam konteks ini daripada beberapa persoalan Parlimen yang dikeluarkan daripada soalan-soalan tambahan, saya mendapat tahu bahawa satu punca yang paling asas yang ada di dalam Kementerian ini di dalam pengawalan alam sekitar adalah kekurangan tenaga penguatkuasa. Kekurangan tenaga penguatkuasa adalah satu punca di mana Kerajaan pada waktu ini tidak dapat mengawal tindakan orang-orang yang mengingkari segala peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Alam Sekitar di negara kita ini. Diharapkan pada waktu-waktu yang akan datang ini Kerajaan akan memberi perhatian yang lebih khusus supaya kita mempunyai tenaga terlatih mengenai pengawalan alam sekitar dan penguatkuasaan Undang-undang Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, sama ada kita suka atau tidak suka, masalah alam sekitar akan menggugat kita dan gugatan ini telahpun mula hari ini. Apabila negara kita diserang oleh jerebu baru-baru ini, kita mendapati bahawa Sistem Penerbangan Malaysia telah kerugian. Kita mendapati bahawa banyak penerbangan-penerbangan dan gerakan-gerakan udara yang terjejas.

Ini satu kesan yang kita nampak. Bagaimanakah kesan daripada sisa-sisa toksid yang dibuang melambak-lambak, yang tidak ada kawalan, yang menjadi bahan politik kepada pihak-pihak Pembangkang yang memang sengaja mencari jalan untuk mempolitikkan hal ini. Ini semua berpunca dari kekurangan kita. Segalagalanya berpunca dari kekurangan tenaga yang terlatih.

Bukan kita tidak mempunyai Blue Print atau Program Tindakan yang khusus mengenai pengawalan alam sekitar kita. Kita mempunyainya. Tetapi yang paling khusus ialah kekurangan tenaga. Jangan kita mengharapkan Blue Print yang indah pada buku sebagaimana yang telah diberikan oleh Menteri yang berkenaan kepada salah seorang sahabat saya sebagai supplementary kepada jawapan Parlimennya. Tidak guna kita mempunyai Blue Print, kalau tidak ada orang yang boleh menguatkuasakan garis tindakan-tindakan yang hendak dilakukan. Ini paling penting kepada saya oleh kerana saya tidak mahu jenerasi anak-anak saya digugat oleh masalah alam sekitar yang telah memunculkan kesannya di negara kita sekarang. Ini paling khusus dan saya minta pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang amat berat.

Kalau satu negara yang masih lagi terlalu rural seperti New Zealand yang kita lawati baru-baru ini terpaksa mengambil konsultan, mengambil pakar runding untuk menggubal satu Akta untuk mengawal seluruh natural resources ataupun sumber-sumber asli negara dan membelanjakan NZ\$70 juta, kita, saya rasa pada peringkat yang paling awal ini masih lagi minima kosnya.

Keduanya, saya minta Kementerian Alam Sekitar akan menghantar pegawai-pegawai yang terlatih untuk menyertai mana-mana rombongan misi perdagangan ke luar negeri yang

akan mengundang, yang akan menjemput, yang akan merayu pelabur-pelabur supaya datang untuk menanam modal dan membina faktori-faktah ke negara ini. Saya telah membaca beberapa buah buku yang ditulis oleh beberapa penulis di negeri Jepun yang mengatakan, "sementara kita di dalam proses untuk mencapai high-tech technology, kita terpaksa memindahkan pollution related industries—industri-industri yang berkaitan dengan pencemaran ke negara-negara ketiga, ke negara-negara membangun", mungkin termasuk negara kita. Saya tidak mahu bertanya kepada pihak Kementerian adakah perkara ini telah dijalankan, oleh kerana saya dapat tahu daripada buku-buku yang dijelaskan di sini, beberapa environmental impact assessment telah dijalankan terhadap pembangunan-pembangunan yang dilakukan termasuk kepada kilang-kilang yang akan dibina, tetapi saya rasa lebih elok sekiranya diadakan satu pakar di Kementerian ini supaya dapat menasihati setiap projek yang dibawa daripada Taiwan khususnya industri tekstil, mengadakan kawalan ketat terhadap pencemaran.

Saya ingin memberi tahu kepada Dewan ini Batu Pahat sedang diancam oleh masalah pencemaran air yang terlalu dahsyat ketika ini oleh kerana kewujudan industri-industri tekstil yang pada mulanya mungkin tidak menunjukkan satu proses pengeluaran yang menggunakan bahan-bahan toksid tetapi, pada hari ini memang menggunakan kimia yang menyebabkan pencemaran.

Tuan Pengerusi, saya tahu Majlis-majlis Daerah juga telah diminta untuk bekerjasama untuk menguatkuasakan Undang-undang Alam Sekitar. Tetapi bagaimanakah pekerja-pekerja dan anggota-anggota serta pegawai-pegawai Majlis Daerah untuk menguatkuasakan undang-undang itu kalau mereka juga berada di dalam keadaan kekurangan tenaga penguatkuasa.

Dengan itu saya menyokong Belanjawan untuk Kementerian ini dan saya minta perkara-perkara yang saya timbulkan ini diberi perhatian yang amat serius demi kepentingan bersama di masa akan datang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar.

5.57 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, dalam Maksud Bekalan 46, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, ingin saya merujuk kepada Butiran 020000, Kawalan dan Pemeliharaan Kualiti Alam Sekitar.

Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi, masalah alam sekitar telah menggugat keadaan negara kita bahkan hebat diperbincangkan di sana sini, hebat diperbincangkan di Amerika, di Europe, United Nations bahkan di satu peringkat negara kita telah ingin mengundur din untuk menghadiri "Earth Summit 1992" di Brazil oleh kerana tentangan yang begitu hebat bukan untuk menyelamatkan alam sekitar tetapi untuk menekan masyarakat Malaysia, menekan negara kita dengan tidak usul periksa. Dalam keadaan yang begini, kita di negara ini sepatutnya berdiri di belakang Kerajaan memberi sokongan kepada Kerajaan dan pihak Kerajaan pula patutlah ingat bahawa alam sekitar bukan untuk kita sahaja, bukan untuk negara luar tetapi untuk jenerasi yang akan datang di negara ini. Dari itu saya berharap Kementerian Alam Sekitar patutlah peka dengan apa cadangan-cadangan yang baik diterima terutama sekali daripada Ahli-ahli Yang Berhormat penyokong Kerajaan, termasuk saya sendiri.

Ingin saya berpindah ke Kuching. Sebagaimana yang telah dipersoalkan dua hari lepas, Sungai Sarawak adalah

salah satu sungai yang tercemar di Malaysia. Pencemaran itu bukanlah kesalahan yang berbangkit daripada pembinaan kilang-kilang ataupun apa-apa letapi pembinaan pengeluaran najis di seluruh Kuching, bandar yang telah membangun semenjak tahun 50an dahulu tetapi oleh kerana tidak ada central sewerage system, jadi septic tanks, dengan izin, yang ada pada tiap-tiap rumah yang rosak mengeluarkan bekas-bekasnya menerusi sungai, bertakung di dalam sungai di mana fermentations berlaku dan dengan itu mengeluarkan gas dan mungkin akan membunuh sungai itu. Saya berharap pihak Kementerian janganlah membiarkan Sungai Sarawak menjadi River Thames pada tahun 70an. River Thames di England yang tercemar sekali tetapi mereka tidak tahu, dia hendak mencari Sarawak. Jadi sebelum....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Batang Lupar, Larut bangun.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Adakah Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ini berjuang untuk Sarawak sahaja ataupun sungai di kampung saya tidak termasuk?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tadi sebut Sarawak dahulu, kemudian pergi ke Larut. Saya sebenarnya bercakap sebagai seorang Ahli Parlimen Malaysia dan memperjuangkan kebaikan alam sekitar Malaysia termasuk Larut. Kalau Larut tak capak, saya mintalah Menteri tolong pergi ke Larut, tolong tengok sungai Larut, jangan tercemar. Jadi, saya berharap, kalau ada wang sedikit, tolong hantar ke Kuching, ke Larut, buatkan sewerage system. Inilah benda yang saya persoalkan dalam pembangunan bandar tiga hari yang lepas, kerana dt dalam membangunkan sesuatu bandar,

kita sepatutnya bukan sahaja memandang traffic jammed, traffic light, round-about itu, tetapi kita pandang juga soal sewerage system yang penting untuk mengatasi pencemaran alam ini, sebelum bandar itu menjadi begitu besar sangat hingga susah hendak dibangunkan, susah hendak dikawal, dari awal lagi pandangan ini telah dikemukakan.

Yang kedua, persoalan pihak Jabatan Alam Sekitar; kita telah mengetahui bagaimana pihak NGO (Non-Governmental Organisations) di luar negara dan juga di dalam negara kita ini telah mengheboh-hebohkan persoalan alam sekitar tak ubah kononnya Malaysia ini mendatangkan pencemaran, yang mendatangkan, dengan izin, green house effect kepada negara kita dan semua alam sejagat ini. Tetapi tahukah kita, 80% pencemaran alam berlaku di Eropah, berlaku di Amerika dan di negeri-negeri yang maju. Di sanalah penggunaan fossil fuel yang terbanyak sekali. Di sanalah penggunaan Chlorofluorocarbon (CFC) yang terbanyak sekali. Tahukah kita Du Pont pengeluar CFC yang terbesar di negara Barat, juga pemegang pattern for the rights untuk alternatif kepada CFC tetapi kenapakah Du Pont tidak mengeluarkan alternatif itu tetapi masih mengeluarkan CFC? Tetapi negara Barat telah menghala pandangan kepada negara kita. Ditekan negara kita dengan harapan pencemaran udara the green house effect telah berlaku di negara mereka—di luar negara kita—dengan harapan kita boleh memperbaiki apa yang dirosakkan oleh mereka. Ini adalah keadilan orang Barat.

Pada satu ketika, saya bacakan apa kata seorang Dutch Socialist Member of Parliament di European Parliament, Hemmo Muntungh, dia kata: Reproaches developing countries for refusing to look at all the arguments to ensure that we do not make the same mistake as before. Maknanya, orang

Barat boleh tebang kayu dia, boleh bunuh alam sekitarnya, tetapi kita mesti repair, jangan buat salah macam mereka, kata dia. Ini keadilan bagi mereka. Keadilan yang berat sebelah. Tetapi malangnya ada Ahli Yang Berhormat di sini pun ada yang sokong orang-orang Barat membanteraskan negara kita ini. Jadi, dengan itu saya berharap pihak Jabatan Alam Sekitar jangan memandang ringan perkara ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Larut bangun minta jalan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Bolehkah Ahli Yang Berhormat berkenaan memberitahu siapakah penyokong-penyokong pihak Barat itu di dalam Dewan ini, sama ada hadir atau tidak hadir, sila beritahu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya tak hendak sebutkan namanya tadi tetapi ada namanya di sini.

Saya bacakan laporan ini. Berbalik saya kepada laporan: Reporter at large—logging rainforest in Sarawak, Foundation for Goldman, Environmental Prizes given to Mr. Ngau Harrison Laing. Family Foundation di San Francisco. Jadi, inilah orangnya, tetapi kebelakangan ini kita ada dengar dalam akhbar di Sarawak yang mana Timbalan Ketua Menteri Sarawak mencaci juga keadaan sebuah filem oleh pelakon wayang yang berlaku di BBC, dikeluarkan di BBC cerita wayang dia ini. Berlakon mengatakan tindakan Kerajaan Malaysia itu..... bahkan kita ini seperti bertanggungjawab mencemarkan alam sejagat ini, Malaysia yang mencemarkan.

Jadi, soalan saya, apakah tindakan Jabatan Alam Sekitar to counter attack dakyah-dakyah, fitnah-fitnah yang telah dibuat ini. Jadi, jangan duduk berpeluk tubuh begitu sahaja, kita mesti mengambil tindakan yang agresif, jangan cara explanation sahaja. Kalau kita hendak pergi ke luar negara buat explanation, tiap-tiap kali dikatakan kita salah, kita buat explanation. Macam kita ini yang bersalah pula. We must go out and do some aggressive works, dengan izin. Kita ini orang nampak kita kecil, sebab itulah orang mainkan kita. Jadi, kita tidak agresif, orang mainkan pula. Yang menggugat keselamatan negara bukan sahaja dari ancaman military tetapi juga secara komersial, termasuklah ISA, -undang-undang kita dikatakan jahat kerana gunakan ISA, digunakan lagi. Kalau itulah sebetulnya. Jadi saya serahkanlah perkara ini kepada Kerajaan khususnya kepada pihak Kementerian. Tetapi, sebaliknya pula janganlah kita melupakan alam sekitar di negara kita ini supaya anak cucu kita nanti tidak terugat kehidupan mereka oleh kesan alam sekitar. Tindakan kita di peringkat ini mesti baik untuk menjaga negara kita, jangan diperalatkan atau dipergunakan oleh pihak yang tidak yang bertanggungjawab.

Selaras dengan itu, saya bercadang undang-undang—sekarang kita mungkin ada 10 ataupun lebih undang-undang—tiap-tiap tempat mengatakan jaga alam sekitar; Majlis Daerah ada, Majlis-majlis Pebandaran pun ada, Jabatan Alam Sekitar pun memang ada undang-undangnya sendiri, dan banyak lagi agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan mempunyai undang-undang dan kuasa untuk menjaga alam sekitar. Oleh kerana banyak sangat undang-undang ini, nobody take a lead, dengan izin, jadi tak ada buat tindakan. Oleh kerana tak ada tindakan, A tunggu B, B tunggu C, C tunggu D. Jadi, A, B,

C, D tak buat kerja. Jadi, alam sekitar kita terbiar macam sungai Kuching, mungkin juga sungai Larut, kalau tak tercemar juga.

Jadi, saya berharaplah pihak Kementerian ini berjumpa dengan Peguam Negara, minta nasihat beliau untuk menyelaraskan undang-undang yang ada, tentukan tugas-tugas yang tertentu kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang tertentu untuk penyelarasan dan menentukan "siapa" yang bertanggungjawab kepada tugas "apa"; sama ada jabatan Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat, tanggungjawab kita adalah menyeluruh semua termasuk Ahli-ahli Parlimen di sini. Jangan hendak binasakan Kerajaan sahaja, jangan hendak binasakan negara ini sahaja. Kita diam di sini, you don't love Malaysia, please leave Malaysia—it's easy and simple, dengan izin. Kalau cintakan Malaysia, duduk di sini, jagalah nama Malaysia. Kita banyak gejala-gejala daripada luar, tak payah lagi, kita tak hendak musuh dalam selimut.

Tuan Pengerusi, saya ini kalau hendak ceritakan buku yang telah saya baca berhubung dengan alam sekitar, cerita yang saya dengar selama sebulan berada di United Nations mengenai hal alam sekitar, bila cerita hal Malaysia berbangkitlah hal Sarawak. Kalau hal Sarawak berbangkitlah hal tropical forest, hutan tropika, penebangan hutan tropika, bahkan macam kita tebang hutan tropika ini semua hutan di bandar Chile ataupun di Benua Latin Amerika itu telah binasa oleh ultra violate ray.

Ini adalah perbuatan mereka sendiri, tetapi orang di Malaysia menyokong tindakan-tindakan mereka untuk membanteras atau mendatangkan kemudaratan kepada Malaysia—beliau adalah manusia yang tidak tahu di mana letak perjuangannya. Kalau duitlah mereka mahu, berilah tahu sendiri, minta duit daripada kita jadi

pelakon dalam wayang, berlakon dalam filem ditayangkan di BBC hendak jadi famous sebagai "pejuang sahabat alam sekitar". Jadi, sahabat alam sekitar ini, tanya kepada mereka, beri education kepada mereka. Apa dia hendak jadi? Kalau pencemaran berlaku di Amerika, pencemaran berlaku di Eropah, adakah orang Eropah, orang Amerika datang ke Malaysia minta pertolongan Malaysia berhubung dengan pencemaran yang berlaku di negara mereka?

Ini juga dikatakan penebangan hutan tropika hendak dibuat di satu tempat penanaman yang dikatakan tanah yang kurang subur. Jadi, maknanya hutan itu tidak payah tebanglah, biarkan orang Malaysia ini diam atas pokok. Dahulu, kalau orang yang macam kita dikatakan "uncivilised". Sekarang, Penan yang diam di hutan pakai cawat itu jadi "civilisation of Penan", kata mereka, mesti diprotected, mesti dipreserved for the Western people to see, dengan izin.

Jadi, dengan itu sahajalah, sebelum Tuan Pengerusi kata "masa sudah cukup", saya menyokong, dan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): SibU.

6.12 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Cbew (Sibu): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.46, Butiran 020000 Kawalan dan Pemeliharaan Kualiti Alam Sekitar. Dari anggaran sejumlah \$10,920,300 di dalam tahun 1992 ini, saya ingin bertanya berapakah akan diagihkan ke negeri Sarawak? Saya pun ingin tahu berapakah bilangan kakitangan Jabatan Alam Sekitar di negeri Sarawak, khasnyadi bandar-bandar utama seperti Kuching, SibU, Bintulu dan Miri, untuk mengawal pencemaran udara dan air di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, di negeri Sarawak, pengusaha-pengusaha kilang papan dan kayu lapis menemui banyak kesulitan untuk mendapatkan khidmat konsultan-konsultan bagi merangka pembakaran sisa-sisa bahan kayu yang boleh menjamin pembakaran itu sesuai dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang dapat mengawal pencemaran akibat aktiviti-aktiviti tersebut.

Saya pun difahamkan supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pun tidak ada satu perancangan atau design untuk pembakaran sisa-sisa bahan kayu yang boleh mengurangkan pencemaran sesuai dengan peraturan-peraturan dan undang-undang berkenaan. Tuan Pengerusi, hal tersebut ialah satu dilema kepada pihak pengusaha-pengusaha dan Kementerian.

Pengusaha-pengusaha sangat takut sesudah mereka membina tempat pembakaran dengan kos lebih kurang daripada \$300,000 hingga \$1 juta tanpa jaminan dari konsultan-konsultan atau Kementerian yang sesuai dengan peraturan-peraturan dan undang-undang berkenaan, mereka akan membazirkan wang atau akan didenda lagi. Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian berkenaan sekarang membuat satu keputusan demi menghilangkan dilema tersebut.

Tuan Pengerusi, di negara kita sekarang tidak ada satu tanggungjawab yang jelas antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengawasi pencemaran sungai dan udara. Saya sama sependapat dengan Yang Berhormat dari Batang Lupar oleh kerana pengawalan pencemaran ini ialah nobody's child, dengan izin. Saya ingin mencadangkan supaya penyelarasan dengan berkesan perlu dilaksanakan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang tindakan yang telah diambil untuk menentang langkah-langkah atau aktiviti-aktiviti anti-pembalakan hutan tropika yang telah dipelopori oleh aktivitist-aktivitist di Barat. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa dengan kempen-kempen ini, eksport kayu-kayuan tropika ke Eropah dari Malaysia telah dikurangkan dan terus menjejaskan industri pembalakan dan perikanan di negara kita? Saya minta Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas terhadap mereka dan jangan terlalu bertolak-ansur.

Akhirnya, saya memberi sokongan kepada anggaran ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

6.18 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertama sekali, saya ingin merujuk kepada Butiran 00600, Tajuk 02A iaitu mengenai Taman Teknologi.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana di dalam usaha kita untuk mencapai matlamat-matlamat di bawah Wawasan 2020 adalah penting untuk negara kita menyiapkan diri dan menyiapkan kebolehan kita di dalam mengendalikan dan merancang teknologi-teknologi canggih dan teknologi-teknologi yang lebih berat daripada apa yang ada sekarang. Jadi, di dalam usaha itu, Kerajaan telah mewujudkan Taman Teknologi yang telah diperuntukkan sebanyak \$25 juta untuk Anggaran 1991 tetapi Anggaran 1992 tidak ada di sini. Saya fikir ini adalah disebabkan oleh kelambatan ataupun ketidak-seriusan kemungkinan kita dalam menjalankan usaha ini. Saya harap apabila Taman Teknologi Fasa I

yang sedang dibina sekarang ini siap, jangan ditangguh-tangguhkan lagi untuk membina Fasa II kerana, Tuan Pengerusi, konsep Taman Teknologi adalah konsep untuk mewujudkan teknologi-teknologi yang boleh disegerakan commercialisationnya, dengan izin.

Kerajaan telah memperuntukkan \$1 bilion di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk usaha R&D. Saya berharap Kerajaan ataupun khususnya Kementerian dapat membuat satu kajian iaitu daripada \$1 bilion ini, banyak mana yang akan dapat menyalurkan teknologi-teknologi yang boleh dipergunakan, yang boleh dicommercialisekan dengan segera.

Di dalam perbahasan-perbahasan yang lalu, kita telah melihat kebanyakan wang yang telah diperuntukkan kepada universiti-universiti tempatan ini tidak dipergunakan kerana kemungkinan ketiadaan pakar-pakar dan lain-lain lagi. Tetapi dengan adanya taman ini, saya pasti pakar-pakar dan tenaga-tenaga dari luar akan dapat menjalankan usaha-usaha untuk kita mencapai teknologi-teknologi yang lebih mantap, yang lebih canggih dan yang lebih tinggi.

Perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai dengan Butiran 020000 Kawalan dan Pemeliharaan Kualiti Alam Sekitar.

Sebelum itu, minta maaf, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan 030000 dahulu kerana ini adalah penting, sebab saya hendak bertanya kepada Kementerian mengenai apa yang saya tanya kepada Kementerian Pertanian beberapa hari yang lalu iaitu satu isu yang mungkin pada sekali imbas adalah isu yang kecil tetapi ianya mempunyai makna yang besar iaitu tentang kedudukan babi hutan di kawasan-kawasan perdesaan.

Dari segi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, babi hutan adalah satu binatang yang dipelihara, yang dijaga daripada kepupusan tetapi dari sudut petani, peladang yang duduk di pinggir-pinggir hutan, babi hutan adalah merupakan satu makhluk perosak yang cukup besar, yang sangat-sangat merosakkan tanaman seperti di kawasan saya di Padang Terap iaitu kawasan yang berpinggir dengan hutan belantara. Jadi, di sini perkara ini telah saya bangkitkan dengan Ahli Yang Berhormat dah Maran lebih kurang empat tahun yang lalu, jawabnya begitulah, hendak dirundingkan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Bila dibangkitkan di dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, hendak dirundingkan dengan Kementerian Pertanian tetapi dalam masa empat tahun ini telah ramai petani-petani yang telah menjadi miskin bukan sahaja tanamannya dirosak malah telah ditangkap oleh Jabatan Perhilitan kerana membunuh babi hutan ini. Sudahlah miskin, ditangkap lagi. Ditangkap dan dibawa ke hadapan pengadilan Majistret yang tidak pernah tengok tentang kehidupan orang miskin di luar bandar, dia beri denda \$300—5400.

Jadi, pada saya ini adalah satu anomali di dalam dasar Kerajaan yang sepatutnya diselesaikan oleh kedua-dua Kementerian ini untuk mendatangkan faedah kepada, bukan sahaja kepada babi hutan tetapi kepada petani-petani yang menjadi mangsa babi-babi hutan ini. Saya harap mendapat satu respon yang baik daripada Kementerian yang berkenaan.

Perkara yang ketiga ialah Butiran 020000 Kawalan dan Pemeliharaan Kualiti Alam Sekitar.

Saya ingin membangkitkan perkara-perkara mengenai dengan pertama, sebuah Taman Negara. Saya telah pergi ke Taman Negara Kuala Tahan

iaitu Taman Negara yang terletak di perbatasan Pahang, Terengganu dan Kelantan. Saya memuji pihak Kementerian kerana mengambil beral dan menjaga Taman Negara dengan baik tetapi apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau di dalam Soal Jawab tadi adalah relevant kerana bersempadan dengan Taman Negara itu lebih kurang dua buah bukit telah dicukur licin. Jikalau orang luar datang melawat taman negara kita, dia tidak semestinya menjadi seorang ecologist. Dia memandang, dengan izin, the stub contrast, di antara pemeliharaan dan pengeksploitasian yang tidak mengikut lunas-lunas sainlifik.

Misalannya, satu bukit yang terdekat bersempadan dengan taman negara itu dicukur licin di bawah rancangan, saya tidak tahulah, FELDA atau FELCRA. Saya bukan hendak mengkritik tetapi apakah patut diadakan pembangunan yang bersempadan dengan taman negara. Mungkin kita boleh mengadakan satu no-man lands, ataupun satu buffer zone, dengan izin, supaya perkara ini tidak nampak the paradoxes of development dan pemeliharaan. Saya harap perkara ini dapat dimasukkan di dalam dasar Kementerian yang akan dapat dihayati oleh Kementerian-kementerian yang lain.

Yang kedua, mengenai kepupusan kehidupan liar. Saya ingin bertanya apakah mungkin perkara ini adalah satu perkara yang akademik tetapi saya ingin bertanya apakah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian iaitu agensi di bawah Kementerian dan juga universiti-universiti untuk menolong usaha-usaha di dalam hal biological control of pest, dengan izin.

Tuan Pengerusi, sekarang ini kalau Tuan Pengerusi datang daripada kawasan jelapang padi, dan Tuan Pengerusi adalah orang yang sensitif

tentang kehidupan di seketiling, kita akan mendapati bahawa dalam masa 10 tahun, suatu unggas ataupun suatu serangga yang cukup indah di kawasan-kawasan itu telahpun pupus. Apa yang saya maksudkan di sini ialah patung ataupun dragonfly. Pada hal dragonfly itu adalah satu predator, satu binatang yang memakan binatang lain. Dragonfly ini adalah satu binatang yang boleh mengcontrol atau mengawal makhluk-makhluk perosak padi. Misalannya dragonfly makan netotatic iaitu satu serangga yang membawa penyakit merah kepada padi. Tetapi dragonfly ini telah pupus. Misalannya susah hendak melihat dragonfly di kawasan Alor Setar, Kangar atau di Kota Bharu.

Jadi, apakah yang telah dibuat oleh pihak Kementerian dari segi funding research ataupun dari segi research di dalam Kementerian itu sendiri. Apakah yang telah disumbangkan di dalam hal ini untuk menahan kepupusan predators insect ini, dengan izin, seperti labah-labah dan lain-lain lagi kerana apa yang berlaku melalui pembangunan pada masa ini dengan penggunaan insecticide yang berleluasa. Binatang-binatang yang menjadi predators ini mati dan kemungkinan untuk dia regenerate semula adalah lebih lambat daripada binatang-binatang yang memakan pokok ataupun memakan bahan-bahan tumbuhan. Ini adalah lumrah alam di mana binatang yang memakan binatang lain, reproductive cyclenya adalah lebih besar, lebih lambat daripada binatang-binatang yang memakan bahan-bahan tumbuhan. Apakah yang telah dibuat oleh Kementerian? Dengan itu, saya menyokong peruntukan in, Tuan Pengerusi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lanang. Selepas ini Menteri menjawab.

6.28 *ptg.*

Tuan Jason Wong Sing Nang (Lanang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk maksud Bekalan 46 Butiran 010000 Pentadbiran Am dalam Program dan Prestasi, mukasurat 451, yang di bawah maksud ini adalah di antara lain untuk membaiki perhubungan antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa perlindungan alam sekitar di sesebuah negara merupakan satu cabaran sedunia ataupun global challenge yang perlu melibatkan kerjasama rakyat di dalam masyarakat dunia ini. Maka masyarakat-masyarakat di bawah Montreal Protocol baru-baru ini sudah mencapai kemajuan cemerlang dalam mendapati perjanjian antarabangsa mahu menghapuskan pengeluaran bahan CFC menjelang 1997 di seluruh dunia. Di samping itu juga kemajuan sedang dicapai di bawah perundingan Vacuole Convention yang ingin mengawal toxic waste dumping, dengan izin, dari sebuah negara ke negara yang lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya pada peringkat antarabangsa, apakah kemajuan telah dicapai dalam perundingan Climate Convention. Adakah benar bahawa Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang mengeluarkan carbon dioxide yang paling banyak dalam dunia ini? Sekiranya negara Barat angkuh demikian greenhouse effect akan merosak dan kecualian tidak akan tercabul.

Dalam hubungan ini, saya ingin bertanya sama ada Malaysia akan menyertai mesyuarat alam sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang akan diadakan di Rio de Janeiro dalam bulan Jun tahun hadapan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa untuk kali ini sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Tuan Jason Wong Sing Nang: Boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada 12 minit lagi. Selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Jason Wong Sing Nang: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.